



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 449]

**KENYATAAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**  
Tuduhan terhadap Polis Sabah [Ruangan 477]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976) [Ruangan 480]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Kedua kepada Perkara-perkara Perjanjian) [Ruangan 506]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Isnin, 25hb April, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KUARI BATU CAVES

**1. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa kerja memecah batu di kuari Batu Caves telah mendatangkan kebimbangan kepada mereka yang beragama Hindu kerana ketakutan kuil mereka yang ada di situ akan roboh dan juga mereka yang tinggal di sekitar kawasan itu kerana bimbangkan kesihatan mereka akan terganggu dan jika ya, samada beliau bercadang memberhentikan kerja-kerja memecah batu di kawasan itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu telahpun saya sentuh ketika saya membuat ucapan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat, 22hb April, 1977 semasa menggulung perbahasan atas Usul terima kasih kerana Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Saya berpendapat tidaklah perlu saya menambah apa-apa lagi pada ketika ini. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada ucapan saya yang tersebut.

BANK PERDAGANGAN

**2. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana kedapatan bank-bank asing di negeri ini telah menutup dan menolak simpanan dan current account penyimpan-penyimpan (pelanggan-pelanggan) yang berpendapatan

rendah tetapi hanya mementingkan simpanan orang tertentu dan yang banyak wang sahaja apakah langkah yang akan diambil atas perkara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada bank-bank perdagangan samada di dalam negeri atau bank asing yang telah menutup Akaun Semasa bagi pelanggan-pelanggan yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa terdapat sebuah bank asing yang telah menghadapi masalah pentadbiran dan kemudiannya telah membincang dengan setengah dari pelanggan-pelanggannya mengenai kemungkinan memindahkan akaun-akaun mereka ini kepada lain-lain bank perdagangan. Bank ini walau bagaimanapun tidaklah pernah membezakan pelanggan-pelanggan dari golongan yang berpendapatan rendah kerana pembincangan mengenai perkara ini juga telah dibuat dengan pelanggan-pelanggan yang terdiri dari firma-firma yang besar. Pelanggan-pelanggan bank ini tidaklah dipaksa memindahkan akaun-akaun mereka sebaliknya mereka bolehlah mengekalkan akaun mereka dengan bank ini jika mereka berkehendakkan demikian. Saya telah dimaklumkan selanjutnya bahawa memandangkan salah faham dan salah anggapan daripada pablisiti mengenai perkara ini bank berkenaan telah pun membatalkan seluruh rancangan mengenai perkara ini.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan itu. Soalan tambahan. Setahu saya ada bank yang bertindak demikian. Apakah langkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap bank tersebut?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan tadi, sepanjang pengetahuan Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara kita sebuah

bank sahaja yang telah cuba berbuat begitu, akan tetapi rancangan itu telah ditarik balik oleh sebab pabilisiti yang tidak baik itu. Kalau ada bank lain yang berbuat demikian, saya sukalah minta Yang Berhormat Senator itu memberi butir-butir selanjutnya supaya penyiasatan dapat dijalankan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Adakah bank yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah First National City Bank of New York atau Bank of Amerika.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nama bank ini pada satu masa dahulu ialah First National City Bank, dan pada masa sekarang namanya ialah City Bank.

### SKENDAL SEX DI KAPAL NIPPON MARU

**3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa ibubapa dan pemimpin belia dalam negeri bimbang atas kejadian skandal sex, filem-filem lucah, penyalahgunaan dadah, dalam kapal Nippon Maru yang telah berlaku di kalangan peserta belia-belia yang mengikuti Rancangan Lawatan Belia Asia dengan Kapal tersebut dan setakat mana kebenaran khabar ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ibubapa dan pemimpin-pemimpin belia dalam negeri ini bimbang atas apa yang dikatakan kejadian skandal sex, filem-filem lucah, penyalahgunaan dadah dalam Kapal Nippon Maru yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Siasatan telahpun dijalankan dan didapati tidak ada perkara-perkara yang disebutkan itu berlaku di atas Kapal Nippon Maru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, disiplin di atas kapal itu ketat dilaksanakan dan segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan di atas kapal adalah dibuat dengan jadual yang tertentu. Tidak ada masa dan tempat bagi kejadian-kejadian sex, filem-filem lucah dan penyalahgunaan dadah boleh berlaku.

Oleh itu, saya inginlah menyeru kepada ibubapa dan pemimpin-pemimpin belia supaya tidak merasa bimbang di atas perkara ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini cuma dapat melegakan sahaja pandangan ibubapa, tetapi kalau sekiranya ada belia-belia dan beliawanis kita berani mengemukakan kepada Kementerian ini atas peristiwa-peristiwa yang dikatakan dalam akhbar itu telah terjadi di kapal itu, apakah tindakan Kementerian ini, adakah Kementerian ini akan menghentikan rancangan melawat sambil belajar ke negeri Jepun.

**Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pemimpin-pemimpin belia atau Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini mempunyai bukti-bukti yang menunjukkan penglibatan peserta belia-belia dalam kapal itu dalam kelakuan yang tidak sihat, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat itu terus berhubung dengan saya atau Kementerian saya supaya perkara itu dapat disiasat dan dibetulkan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan antara belia dan beliawanis kita ada melawat sambil belajar di dua buah negara iaitu di negara Jepun dan Kanada. Pada segi kaca mata Kementerian ini yang mana lebih baik di antara belia-belia kita pergi ke negara Jepun atau pergi ke Kanada?

**Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan kapal Nippon Maru iaitu satu rancangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Jepun dan untuk belia-belia di negeri-negeri rantau ASEAN seperti Malaysia, Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura dan tempat-tempat yang dilawati itu dibahagi-bahagikan kepada tiap-tiap negeri iaitu bukan sahaja lawatan dibuat kepada negara Jepun sahaja.

### RUKUN TETANGGA

**4. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang dikecualikan daripada menjalankan tugas Rukun Tetangga selain daripada Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-tambalan Menteri, Hakim Besar dan Hakim-hakim.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang dikecualikan daripada menjalankan tugas Rukun

Tetangga, selain daripada mereka yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ialah seperti berikut:

- (a) Wakil-wakil diplomat atau konsul yang bertauliah dan pekerja-pekerja diplomat atau konsul yang tidak berdomisil dalam Malaysia.
- (b) Orang-orang sakit otak (orang gila).
- (c) Orang-orang yang diperakui oleh dua orang Pegawai Perubatan berdaftar sebagai buta.
- (d) Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesebuah negeri.
- (e) Timbalan Menteri Besar atau Timbalan Ketua Menteri bagi sesebuah negeri.
- (f) Setiausaha Parlimen.
- (g) Yang di-Pertua Dewan Negara dan di-Pertua Dewan Rakyat.
- (h) Pegawai dan anggota Pasukan Tentera.
- (i) Pegawai dan anggota Pasukan Polis.
- (j) Orang yang bukan warganegara dan yang tidak berdomisil dalam Malaysia.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini dapat menimbangkan pada satu masa yang akan datang kelak bahawa di antara mereka yang dikecualikan bagaimana yang dicakapkan ini termasuklah Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi berniat untuk mengecualikan lain-lain kategori orang-orang selain daripada yang telah dikecualikan. Walau bagaimanapun, jika didapati ada lain kategori yang patut diberikan pengecualian, maka perkara ini boleh dikaji dan dipertimbangkan dengan saksama.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan akhir yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi iaitu orang-orang yang bukan warganegara tidak dibenarkan menjalankan tugas Rukun Tetangga, akan tetapi kita telah mengadakan beribu-ribu orang yang duduk tetap di negeri ini patut Kerajaan menyuruh mereka menjalankan tugas Rukun Tetangga, adakah apa-apa rancangan pada masa yang akan datang mereka disuruh menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat tidak mendengar apa yang sebenarnya saya kata. Saya kata orang yang bukan warganegara dan yang tidak berdomisil dalam Malaysia; orang-orang yang domisil dalam Malaysia

walaupun bukan warganegara adalah dikehendaki menjalankan tugas Rukun Tetangga.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya iaitu pesakit-pesakit yang dapat medical chit adakah orang ini boleh dikecualikan daripada Rukun Tetangga atau tidak.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada orang-orang yang diberi medical chit, Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga telah diberi kuasa untuk membenarkan mereka mengambil cuti, tetapi tugas itu mestilah diganti apabila mereka sihat.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu siapa yang akan menjalankan tugas Rukun Tetangga iaitu warganegara negeri ini dan juga orang yang menetap dalam negeri ini yang bukan warganegara tidak hendak menjalankan kewajibannya, adakah boleh orang ini dipaksa mengikut undang-undang untuk menjalankan dan dihukum orang ini atau tidak.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh.

#### MEMORANDUM DOKTOR-DOKTOR PELATIH

5. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah reaksi Menteri terhadap memorandum dihantar baharu-baharu ini kepada Kementerian Kesihatan dan tersiar dalam *New Straits Times* pada 15hb Mac, 1977 oleh 300 doktor pelatih yang mengadukan gaji mereka yang tidak mencukupi dan layanan yang mereka terima—elaun bulanan sebanyak \$650.00 sungguhpun mereka telah menjalani beberapa tahun pengajian dan tanggungjawab yang berat yang dipikul dan waktu bekerja yang terlampau panjang;
- (b) samada Menteri bersimpati dengan kesedihan mereka dan bahawa sistem gaji dan layanan hendaklah diubah-suaikan tanpa berlengah-lengah lagi;
- (c) jika benar, apakah langkah-langkah positif Menteri akan diambil untuk mengatasi hal ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan

telah mengkaji memorandum dari Doktor-doktor Pelatih itu dan telah mengadakan dialog dengan wakil-wakil mereka di pejabatnya. Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan perakuan-perakuannya kepada Kerajaan dan perakuan-perakuan tersebut sedang giat dipertimbangkan semula oleh Jawatankuasa Kabinet. Sementara itu, Yang Berhormat Menteri telah menasihatkan doktor-doktor pelatih supaya bersabar dan jangan mengambil tindakan yang terburu-buru.

### **BIASISWA ANAK-ANAK PEKEBUN KECIL RISDA**

**6. Puan Zawiyah binti Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar pihak RISDA ada mengeluarkan bantuan biasiswa kepada anak-anak pekebun kecil dan anak-anak kakitangan RISDA untuk melanjutkan pelajaran pada tiap-tiap tahun, jika ya, berapa ramai yang telah diberi dan jumlah yang dikeluarkan pada tahun lepas dan berapa pula peruntukan pada tahun ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) ada memberi biasiswa dan menyediakan lain-lain kemudahan lagi bagi anak-anak pekebun kecil, tetapi bilangan biasiswa-biasiswa itu bergantung kepada kedudukan kewangan RISDA pada sesuatu masa.

Bagi tahun 1976, sebanyak 100 biasiswa di peringkat Sekolah Menengah telahpun diberi kepada anak-anak pekebun kecil dengan kadar sebanyak \$20.00 sebulan (ditambah dengan elaun buku sebanyak \$60.00 setahun). Di dalam tahun itu juga, sebanyak 37 biasiswa bagi pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi telah diberikan. Sukalah saya memaklumkan juga bahawa selain daripada kemudahan biasiswa-biasiswa yang diberi itu RISDA juga mengadakan 3 buah asrama bagi anak-anak pekebun-pekebun kecil yang tinggal di luar bandar dan tempat-tempat asrama itu ialah di Baling yang sedang berjalan sekarang manakala di Sik dan Kuala Brang, asrama-asrama akan bermula pada penggal kedua persekolahan tahun ini.

Bagi tahun ini (1977) pula sebanyak lebih kurang 1,000 biasiswa (jika dibanding dengan tahun 1976 telah bertambah sepuluh kali ganda) telah diperuntukkan bagi anak-anak pekebun-pekebun kecil, iaitu berdasarkan

bilangan pusat-pusat pembangunan pekebun kecil (PPPK) yang terdapat di seluruh negara. Selain daripada itu, 37 biasiswa juga diperuntukkan bagi pelajar-pelajar di Universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Adalah diharapkan dengan pemberian biasiswa dan kemudahan-kemudahan kepada anak-anak pekebun kecil, beban tanggungan pekebun-pekebun kecil dapat dikurangkan dan di samping menghasilkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang baik dari golongan yang tidak berada ini.

**Datuk Haji Ahmad Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan saya hendak tanya dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, dalam rancangan itu adakah termasuk biasiswa itu meliputi anak-anak pegawai RISDA. Kedua, kenapakah asrama itu tak boleh dibuat di negeri Johor padahal getah yang luas dan pekebun kecil ramai sekali di Malaysia menurut ingatan saya di negeri Johor.

**Tuan Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya biasiswa itu diberi kepada anak-anak pekebun kecil. Pada dasarnya kalau ada anak-anak pegawai RISDA yang mana barangkali dia sendiri juga ada pekebun kecil, maka dia ada kelayakan untuk meminta biasiswa itu dan kalau anaknya dapat biasiswa itu bolehlah dikatakan "coincidental," bukan khasnya diberikan kepada anak-anak pegawai RISDA. Kedua, soal asrama minta diwujudkan di negeri Johor, seperti yang saya katakan tadi pada tahun ini telah dibina tiga asrama, satu di utara iaitu di negeri Kedah, dan satu lagi di Sik, (itu pun utara juga) dan satu asrama lagi di Kuala Brang di Pantai Timur. Saya harap dan yakin bahawa kalau bilangan asrama itu ditambah, ada kemungkinan akan diadakan di negeri Perak dan Johor oleh sebab negeri itu adalah mempunyai kebun getah yang luas dan ramai bilangan pekebun kecil.

### **TEKSI/MINI BAS/PENEROKA/ PEKERJAAN BEKAS PERAJURIT**

**7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan bekas perajurit yang bersara di antara tahun-tahun 1973-1977, yang telah :

- (i) diberi permit teksi dan bas;
- (ii) menjadi peneroka di rancangan tanah FELDA; dan
- (iii) mendapat pekerjaan dengan pihak swasta, dan nyatakan bilangannya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan bekas-bekas perajurit yang telah mendapat permit teksi atau mini bas atau berjaya menjadi peneroka di rancangan tanah FELDA atau yang mendapat pekerjaan dengan pihak swasta di antara tahun 1973 hingga 1976 adalah seperti berikut:

- (i) (a) Permit Teksi ... .. Seramai 1,331 orang
- (b) Permit Bas (Mini Bas) ... .. Seramai 143 orang (samada perseorangan, perkongsian atau lain-lain)
- (ii) Peneroka Rancangan Tanah FELDA ... Seramai 1,047 orang
- (iii) Mendapat pekerjaan di Sektor Swasta ... Seramai 337 orang

Angka-angka yang diberikan di atas hanya meliputi perangkaan sehingga tahun 1976 sahaja oleh kerana perangkaan bagi tahun 1977 adalah masih dalam proses pengumpulan. Angka-angka yang saya nyatakan tadi juga adalah angka bagi bilangan peluang yang telah diperolehi oleh bekas-bekas perajurit secara amnya di antara tahun 1973 hingga 1976 dan tidaklah merupakan angka-angka khas bagi bekas-bekas perajurit yang menamatkan perkhidmatan dalam tahun-tahun itu. Ini adalah kerana kemungkinan angka-angka bagi bekas perajurit yang telah menamatkan perkhidmatan tentera sebelum tahun 1973 yang berjaya mendapatkan permit teksi atau mini bas atau tempat dalam Rancangan Tanah atau pekerjaan berkenaan dalam tempoh masa yang dinyatakan itu, termasuk juga dalam angka-angka yang dinyatakan itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari angka yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, adakah Kementerian Pertahanan sudah berpuas hati dengan angka itu.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, belum.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Kalau belum puas hati. Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini mencari satu ikhtiar dan langkah bagaimana hendak menambahkan angka itu pada masa hadapan.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Kementerian Pertahanan sedang mendapatkan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan yang boleh memberikan sumbangan terhadap lebih jayanya rancangan Kerajaan untuk bekas-bekas perajurit itu.

#### TV BERWARNA

**8. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah perkhidmatan TV berwarna akan dapat dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, persiapan-persiapan untuk pelaksanaan perkhidmatan TV berwarna sekarang ini sedang berjalan mengikut jadual. InsyaAllah, perkhidmatan TV berwarna akan dapat dilaksanakan sebagai yang diumumkan dahulu iaitu pada penghujung tahun 1978 akan datang.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Kita sangat berbesar hati bahawa rancangan TV warna akan dijalankan pada tahun 1978 tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan projek TV berwarna ini akan menyusahkan rakyat dan membebankan belanja banyak pada Kerajaan. Adakah dengan keadaan ini Kerajaan sedia menggantung rancangan ini supaya kita kekal dengan TV hitam-putih kerana maksud kita bukan hendak warna, maksud kita hendak menyampaikan siberan kepada rakyat. Jadi dengan sebab itu bolehkah Kementerian ini menggantung rancangan TV berwarna itu sementara waktu sekurang-kurangnya akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal itu soal lain, tetapi saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu rancangan TV berwarna ini untuk makluman seluruh rakyat kita di Malaysia bahawa pihak Kementerian Penerangan dan Kerajaan kita tidak memaksa sesiapa pun untuk menukar peti TV yang ada sekarang ini walaupun TV berwarna keluar kelak, maka peti TV yang ada sekarang masih boleh dipakai dengan menerima hitam-putih. Akan tetapi, kalau Ahli Yang Berhormat ataupun kita semua ingin melihat TV berwarna, kita tukarkan sahaja peti TV itu kepada set berwarna tetapi tidak menyusahkan rakyat. Dan Kementerian Penerangan juga akan memberi penerangan jelas supaya kita tidak tergopoh-gopoh untuk menukarkan peti TV, biarlah gunakan peti TV itu sehingga semua jenis

TV masuk ke Malaysia ini memuncak kita tak mahu beli lagi sehingga murah kelak baru kita beli.

**Tuan T. S. Gabriel:** Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa program-program yang ditunjukkan pada masa sekarang di kedua-dua Channel 5 dan 8 itu mutunya tidak serupa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain, tidak berkait langsung dengan soal asal.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Adakah Timbalan Menteri yang bertanggungjawab tahu iaitu rakyat pada hari ini di luar bandar berkehendakkan TV berwarna ini 5 tahun dahulu. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan nanti dahulu dan berjanji akan diadakan dalam tahun 1977. Sekarang ini hendak ditangguh pada tahun 1978. Adakah betul begitu?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan Kementerian Penerangan sedar bahawa negara dan rakyat berkehendakkan TV berwarna itu barangkali bukan 5 tahun dahulu bahkan lebih awal daripada itu. Katalah, Amerika mengeluarkan TV berwarna setelah Jepun mengeluarkan TV berwarna, tetapi oleh sebab memandangkan kedudukan kewangan kita dan lain-lain maka kita sesuaikan dengan keadaan ini sehingga mengikut jadual yang kita tentukan dan ini kemampuan kita rasanya sesuai dengan alam sekeliling kita semua negara jiran sekeliling telah mulai menggunakan TV berwarna. Jadi sesungguhnya agaknya ketinggian jikalau kita tidak mulakan mengikut jadual iaitu pada akhir tahun 1978 kelak.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Saya suka hendak buat soalan tambahan atas jawapan Timbalan Menteri berkenaan tadi bahawa beliau mengambil contoh TV berwarna dari Amerika dan Jepun. Kita jangan ikut mereka negeri yang maju, negara kita sedang membangun. Saya hendak beri contoh kepada Kementerian ini adakah Kementerian ini sedar negeri jiran yang menggunakan TV berwarna seperti Singapura dan Brunei sekarang pengguna-pengguna itu menghadapi berbagai kesulitan. Dengan ini, bolehkah Kementerian membuat satu pandangan supaya TV berwarna diserahkan kepada pihak swasta, bukan diusahakan oleh Kerajaan.

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berfikir seperti pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan sebagaimana keadaan yang sebenarnya samada kita mahu atau tidak alat transmitter atau alat-alat pemancar bila tiba masanya mesti ditukar dan apabila kita memerlukan penukaran kebanyakan pembuat-pembuat, pengeluar transmitter alat pemancar dan lain-lain mengeluarkan alat berwarna. Kalau kita tidak mahu menggunakan warna kita terpaksa tempah khas (special) untuk hitam-putih pula, jadi ertinya lebih mudah mendapat alat yang berwarna bagi masa ini atau zaman ini. Jadi untuk pandangan Ahli Yang Berhormat minta dikaji, tentang kesulitan dan sebagainya memang disadari dalam menghadapi kesulitan ataupun kemungkinan yang akan berlaku terutama sekali pada permulaan pemancaran kita kelak.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. India boleh dikatakan negeri yang masih membuat atomik bom kerana hendakkan kemajuan membuat atomik bom samada untuk membunuh atau tidak, itu lain fasal. Dengan sebab itu, adakah tujuan Kerajaan hendak mengadakan TV berwarna ini untuk menunjukkan bahawa Malaysia ini juga mahukan kemajuan yang mana dirasakan oleh negeri jiran seperti Singapura atau Brunei yang dikatakan kita juga berkehendakkan kemajuan seperti itu. Betulkah atau tidak?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa:** Kerajaan kita berbuat sesuatu ialah berpandukan kepada kemampuan diri sendiri iaitu ukur baju di badan sendiri.

#### NAZIR SEKOLAH

**9. Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Pelajaran:

- (a) bagaimanakah kedudukan Nazir-nazir bebas (mereka yang ada di Wilayah Persekutuan) dalam perkembangan pelajaran negara ini; dan
- (b) adakah Kementerian ini berpendapat bahawa mereka ini benar-benar memberi faedah kepada kemajuan pelajaran negara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kesemua Nazir Sekolah di Semenanjung Malaysia, termasuklah mereka yang di

Wilayah Persekutuan adalah Nazir-nazir Persekutuan. Mereka itu menjalankan tugas seperti yang terkandung di dalam seksyen 96-99 Akta Pelajaran 1961 di seluruh Semenanjung Malaysia.

- (b) Tugas utama Jemaah Nazir Persekutuan ialah untuk memperbaiki dan memelihara taraf pengajaran. Ini dilakukan secara memberi nasihat kepada Guru-guru dan Gurubesar-gurubesar di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Mereka juga bekerjasama dengan Bahagian-bahagian lain di Kementerian Pelajaran secara menyampaikan makluman-balik-makluman-balik (feedbacks) dari berbagai-bagai projek-projek dan rancangan-rancangan pelajaran yang sedang dilancarkan di seluruh negara kita.

Kementerian ini berpendapat bahawa Jemaah Nazir Sekolah sangatlah memberi faedah dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pelajaran di negara kita pada hari ini.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Menteri tadi. Nazir ini ada juga dipanggil Inspectorate. Nazir ini kerjanya melawat dan lain-lain dan juga kadang-kadang ia perlu menegur untuk memperbaiki dan merecommendkan. Adakah pada Nazir-nazir ini diberikan kuasa executive?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Nazir atau Jemaah Nazir Persekutuan ini tidak mempunyai kuasa executive. Tugasnya cuma melawat sekolah-sekolah dan selepas lawatan itu akan menyediakan laporan-laporan yang lengkap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan laporan-laporan ini boleh dikatakan dijadikan laporan sulit. Selepas pemeriksaan, laporan itu jika dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dikemukakan kepada bahagian-bahagian atau kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Walaupun Nazir Bebas ini tidak mempunyai kuasa, tetapi di Kementerian ini ada dua Nazir, satu Nazir Bebas dan satu lagi Nazir Terikat. Nazir yang ada di Pejabat-pejabat itu, saya gelarkan Nazir Terikat. Saya hendak bertanya adakah Kementerian sedar bahawa guru-guru dan guru-guru besar lebih takut kepada Nazir Bebas ini daripada Nazir Terikat yang ada di Pejabat-pejabat ini.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi ada menyatakan Nazir-nazir Bebas ini termasuklah dalam kumpulan Nazir Persekutuan. Jadi Nazir-nazir yang bebas atau terikat itu, saya ingat tidak timbul, oleh kerana pasukan yang melawat sekolah-sekolah itu ada tukar menukar bukan tiap-tiap kali Nazir itu juga. Jika ada Nazir-nazir yang tetap barangkali bermacam-macam kesulitan boleh timbul. Mereka selalu ditukar-tukar supaya laporan-laporan yang akan disampaikan kepada Kementerian Pelajaran boleh dikatakan satu laporan yang bebas (open minded) yang betul-betul dapat memelihara dan juga membaiki taraf pelajaran di dalam sekolah-sekolah kita.

### TANAH-PAMPASAN KEPADA TUAN/PUAN

**10. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah ia akan menyerahkan kepada "National Land Council" satu cadangan untuk mengadakan polisi-polisi yang sama untuk semua negeri-negeri di Malaysia mengenai pemberian tanah dan tempat kediaman untuk mereka yang telah diminta pindah dari tanah-tanah yang diambil secara paksa oleh Kerajaan untuk penggunaan umum.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah setakat ini tidak bercadang hendak membawa perkara ini kepada Majlis Tanah Negara. Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dengan budibicara masing-masing mengikut peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah No. 34 tahun 1960 itu di mana dinyatakan dalam Seksyen 15 bahawa pihak Pemungut boleh menggunakan budibicaranya untuk menukarkan pampasan wang dengan cara lain yang sama nilainya.

**Datuk Sri Hussein bin Mohd. Noordin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedar dengan adanya polisi National Land Code baharu-baharu ini berkenaan dengan tanah biasa iaitu free-hold land diserahkan balik kepada Kerajaan mengenai rancangan-rancangan atau projek-projek perumahan yang dijalankan oleh pengusaha private supaya Kerajaan akan memberi lease kepada tanah tersebut. Implikasinya apabila pengusaha rancangan

perumahan telah mengiklankan di dalam suratkhbar-suratkhbar mengatakan tanah ini adalah free-hold, tetapi kemudian si pembeli itu mendapat geran atau title dengan lease hold. Bagaimanakah implikasi ini akan timbul dan bagaimanakah perkara ini dapat dielakkan adakah ini polisi yang dibuat oleh National Land Council?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, pihak saya dan Kementerian sedar atas perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi saya fikir soalan itu tidak berkait dengan soalan yang asal.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Saya tahu jawapan Menteri senang sahaja dijawab. Tetapi saya kata implikasinya mengikut Rancangan Malaysia Ketiga supaya membanyakkan rumah. Ini soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakkan notis.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Soalan saya sedikit sahaja. Macam sepintas lalu dengan tidak memberi alasan yang tepat kepada orang di luar Dewan ini, sebab implikasinya telah berjalan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, soalan begini hendaklah diberi notis lain kali.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Menteri akan mendapatkan Kerajaan Negeri memberi pertimbangan istimewa kepada tuannya tanah yang telah diambilalih oleh Kerajaan dan tiada lain tanah lagi untuk menggantikan tanah atau tempat kediaman mereka yang telah diambilalih.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan tadi peruntukan memang ada di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah. Saya minta izin, membaca, Seksyen 15, Akta Pengambilan Tanah 1960 yang menyatakan: "In the course of making any enquiry and award under sections 12 and 14 the Collector may in his discretion in respect of any scheduled Land, instead of assessing or awarding monetary compensation enter into any arrangement with a person having an interest in such land in such a way as may be equitable, having regard to the interests of the parties concerned"

Jadi ini bermakna tidak semestinya pihak Kerajaan membayar dengan wang sahaja. Kalau sekiranya didapati oleh pihak-pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan memang sepatutnya orang ini diberi tanah dan kalau tanah itu ada maka saya rasa Kerajaan akan memberi, bahkan ada negeri-negeri yang saya tahu, Tuan Yang Di-Pertua, negeri-negeri ini memberi keutamaan kepada tuan-tuan tanah yang mana tanah mereka kena ambil dan mereka sendiri tidak ada tanah lagi.

#### PERUNTUKAN KEWANGAN KEPADA NEGERI-NEGERI

**11. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan kewangan yang lebih kepada negeri-negeri yang mundur seperti negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu, untuk mempercepatkan pembangunan negeri-negeri itu; apakah langkah Kerajaan Pusat supaya peruntukan yang diberi itu dapat berjalan dengan lancar dan dapat dilaksanakan mengikut masa yang ditentukan;

(b) Kerajaan Pusat memang tahu bahawa di tiap-tiap Kerajaan Negeri yang mundur seperti negeri-negeri yang saya sebutkan itu, maka terdapat pula kekurangan pakar-pakar atau orang-orang yang berpengalaman untuk melaksanakan projek-projek di negeri-negeri yang tersebut. Setakat hari ini, apakah tindakan Kerajaan Pusat dalam perkara ini. Atas jaminan Kerajaan Pusat baru-baru ini akan memberi pertolongan di dalam soal ini, oleh itu saya ingin tahu berapa orangkah yang telah dihantar ke negeri-negeri yang tersebut khasnya di negeri Perlis, dan kalaulah pada pendapat Kerajaan Pusat orang-orang yang dihantar itu masih kekurangan, apakah langkah Kerajaan Pusat dan bilakah akan dilaksanakan;

(c) di dalam proses melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga di negeri-negeri yang kurang maju dengan peruntukan yang besar yang diberi oleh Kerajaan Pusat, apakah bentuk pengawasan yang akan dibuat untuk mengkaji dari masa ke semasa supaya perjalanan Rancangan ini tidak tergendala dan dapat disiapkan mengikut jangka waktu yang ditentukan.

**Tuan Richard Ho Ung Hum:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi menjawab soalan (a), suka saya menyatakan bahawa Kerajaan Pusat sedang berusaha untuk mengerakkan semua ejensi Kerajaan bagi menentukan supaya projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat berjalan dengan lancar mengikut jadual yang ditetapkan. Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri telah diarah untuk mengadakan satu "check list" bagi tiap-tiap projek di negeri masing-masing supaya pengesanan pelaksanaan tiap-tiap projek dapat diikuti dari awal hingga akhir.
- (b) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, rancangan-ancangan pembangunan khususnya di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu sentiasa menghadapi masalah kekurangan kemampuan jentera pelaksanaannya. Kerajaan memang sedar akan masalah ini dan satu Jawatankuasa Kemajuan Pentadbiran yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan untuk merancang gunatenaga yang lebih sistematik dan teliti. Dalam pada itu, beberapa tindakan positif telah diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri-negeri tersebut, dan tindakan-tindakan ini akan dijalankan seperti berikut:
- (i) Kerajaan Pusat akan menghantar dua orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik, sebagai Pegawai kemajuan Negeri Perlis, dan Penolong Pegawai Kemajuan Negeri Kedah dengan tujuan membantu Kerajaan Negeri dalam usaha untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mereka.
- (ii) Di bawah Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.D.P.), pihak Bank Dunia telah bersetuju menempatkan 5 orang pakar dalam bidang Infrastructural, Agricultural Industrial dan Rural Development di Unit Perancangan Negeri Kelantan dan 4 orang pakar dalam bidang yang sama di Unit Perancang Negeri Kedah mulai pada 1hb Julai, 1977. Negeri Perlis akan mendapat khidmat kepakaran mereka melalui penempatannya di Negeri Kedah sementara usaha yang bersungguh-sungguh sedang dibuat untuk mendapatkan khidmat pakar bagi Negeri Trengganu. Selaras dengan penempatan ini, bilangan jawatan-jawatan di Unit Perancangan Negeri-negeri berkenaan telah ditambah dengan maksud agar perkhidmatan mereka dapat diperluaskan lagi. Bilangan jawatan di Jabatan Kerajaan Persekutuan di Negeri-negeri itu yang secara langsung terlibat dengan rancangan pembangunan seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Taliair juga telah ditambah dan harus akan dapat disisikan oleh pegawai-pegawai yang berkecukupan sedikit masa lagi.
- (iii) Kerajaan Pusat telah juga bersetuju untuk menambah bilangan jawatan-jawatan teknik di semua peringkat di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya bagi menampung Pegawai-pegawai Persekutuan yang akan dihantar kesemua negeri khas untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek persekutuan di negeri-negeri itu. Dalam hal ini sebanyak 41 jawatan telah diuntukkan bagi Negeri Perlis, 91 jawatan bagi Negeri Kedah, 103 jawatan bagi Negeri Kelantan dan 96 jawatan bagi Negeri Trengganu. Dengan adanya penempatan pegawai-pegawai persekutuan seperti ini, adalah diharapkan supaya pegawai-pegawai negeri dapat menumpukan daya usahanya untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek Kerajaan Negeri.
- (iv) Di samping menambah bilangan para pegawai sepertimana yang disebutkan di atas tadi Kerajaan Pusat sentiasa berusaha untuk menambah kecekapan dan kemahiran para pegawai dan kakitangan melalui kursus-kursus yang diadakan di INTAN atau kursus-kursus jangka pendek luar negeri. Pegawai-pegawai dari negeri-negeri yang kurang maju yang secara langsung terlibat untuk

melaksanakan projek-projek pembangunan telah diberikan keutamaan.

- (c) Tentang soalan (c) pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan penubuhan sistem maklumat Pengurusan yang berasaskan komputer di Jabatan Perdana Menteri untuk pengesanan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sistem ini dijangka berjalan mulai awal tahun 1978. Buat sementara untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Penyelaras Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, sedang menyediakan laporan Suku Tahun Pertama 1977 ke atas peringkat pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu saya mendengar khabar-khabar angin yang boleh dipercayai, walaupun pada tahun ini telah berlalu 4 bulan yakni lebih daripada suku tahun yang pertama, tetapi kebanyakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun ini masih banyak yang belum pun dilancarkan. Sudah empat bulan berlalu masih lagi belum berjalan. Ini bererti akan banyakkah pada tahun ini projek-projek yang tidak boleh siap yang memerlukan terpaksa vote itu dibawa ke tahun hadapan sedangkan tahun hadapan vote pun banyak juga. Jadi bertambah dengan yang tahun hadapan dan tahun ini, mungkin akan berlarut-larutlah kerja-kerja yang tidak habis. Sekiranya perkara ini benar, kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong nyatakan negeri manakah yang banyak sekali mengalami perkara yang seumpama ini?

Yang keduanya, sekiranya ini benar adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya diarah ataupun diperintahkan kepada negeri-negeri ini membahagi tender kepada swasta kerja-kerja yang banyak pada tahun ini. Jadi tidak semuanya hendak diusahakan oleh Jabatan Kerajaan sendiri seumpamanya J.K.R., jalanraya misalnya semuanya hendak dibuat oleh J.K.R., tentu sekali tidak boleh habis. Jadi, adakah bercadang hendak ditenderkan dan dibahagi-bahagi kerja. Begitu juga masalah pembinaan rumah, kalau semuanya P.K.N. (S.E.D.C.) sahaja hendak buat, hasilnya tidak tercapai ke mana-mana.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan tambahan yang kedua itu terlebih dahulu. Berkenaan dengan membukakan tender-tender yang sedia ada itu kepada penender-penender di luar daripada bidang J.K.R. ataupun yang sedia ada itu, ini ialah satu perkara yang sedang dikaji dengan teliti oleh J.K.R. kita dan saya percaya satu keputusan yang memuaskan akan dibuat tidak lama lagi.

Bagi menjawab soalan tambahan yang pertama itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya walaupun ada sedikit projek-projek di sana sini yang kurang memuaskan kalau dipandang dari segi pelaksanaan itu, ada yang ditangguhkan daripada Rancangan Malaysia Kedua dan ada projek-projek juga yang lebih kecil yang telah diganggu oleh sesuatu keadaan yang tidak dapat dielakkan akan tetapi kalau hendak diberi butir-butir yang betul itu saya mintalah notis. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi apabila Laporan Suku Tahun Pertama tahun 1977 ini dapat dibentangkan di Parlimen khasnya di dalam Dewan Negara ini dibahaskan nanti, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara penting ini dapat diperiksa ataupun dianalisis oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang nampaknya adalah kian hari kian tajam kebolehamannya di bawah pengawalan teliti Yang Berhormat Tuan di-Pertua sendiri.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu Senator-senator ini tajam fikirannya, dengan sebab itu adakah Yang Berhormat Menteri-menteri apabila menjawab tajam juga fikirannya iaitu berkenaan dengan kemudahan-kemudahan. Sudah 20 tahun lamanya kita telah mencapai kemerdekaan, tetapi negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, terutama Kelantan, Trengganu dan Pahang masih mundur juga lagi. Apa sebabnya? Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tahu iaitu kemudahan-kemudahannya tidak ada seperti tenaga letrik. Kalau tidak ada tenaga letrik walau bagaimanapun Kelantan, Trengganu, Pahang berkehendakkan rancangan perumahan yang banyak, tetapi kalau tidak ada lampu semuanya tidak jadi, Kilang-kilang tidak boleh berjalan. Begitu juga kalau tidak ada air, rumah tidak boleh dibuat oleh kerana air yang diperlukan untuk dimasukkan ke rumah tidak ada. Kilang-kilang juga tidak boleh berjalan

oleh kerana air tidak ada. Adakah rancangan-rancangan ini disegerakan di tiap-tiap negeri supaya negeri-negeri yang mundur ini dapat mengecap kenikmatan daripada kemerdekaan dan juga menolong kaum miskin untuk mencapai kekayaan tiap-tiap negeri ini.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengatakan ketajaman fikiran Menteri-menteri kita ini bergantunglah selama-lamanya kepada ketajaman fikiran dan kebolehan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi. Dan juga kalau tidak dibantahkan sangat saya lebih suka menggunakan perkataan "kurang maju" dan bukan mundur, sebab dalam negara kita saya percaya tidak ada negeri yang mundur, tetapi ada juga negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu, sepanjang pengetahuan saya sendiri sejak jawatan Menteri Kewangan di-jawatkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sendiri itu, inilah masaalah yang menjadi keutamaan (top priority) dan memanglah Kementerian Kewangan yang di bawah pimpinan Yang Berhormat Mulia Tengku adalah dijalankan selaras dengan cadangan yang telah dibuat itu.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pada anggapan saya yang petah di dalam Bahasa Malaysia itu, tadi di dalam jawapan telah menyebutkan iaitu Kerajaan akan mengirim juruteknik sebanyak 91 orang ke Negeri Kedah. Dalam definasi teknik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan itu, teknik di peringkat manakah yang akan dikirim, kerana teknik ini samar-samar sedikit, boleh jadi di peringkat teknik rendah atau peringkat teknik yang lebih tinggi.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham akan soalan tambahan itu, soalan itu adalah berkait dengan jenis pegawai-pegawai yang akan dihantar kepada negeri-negeri untuk menolong mengawal dan juga menjalankan berbagai-bagai projek di negeri-negeri masing-masing. Pegawai-pegawai ini adalah terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik, iaitu saya diberitahu adalah satu nama service yang telah

dipakai sejak dua tahun dahulu yang samalah artinya dengan Malayan Civil Service dahulu dan apa jenis pegawai-pegawai yang akan dihantar itu adalah bergantung kepada keperluan negeri-negeri masing-masing dan dengan perbincangan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan itu dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak Perbendaharaan.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Bilakah agaknya perkara ini akan dilaksanakan?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu masaalah yang sedang dikaji dengan sangat aktif dan saya hanya dapat memberitahu Dewan yang mulia ini, ini akan dilaksanakan segera jika keadaan mengizinkan.

#### PERJANJIAN SEMPADAN MALAYSIA-THAI

**12. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan sejauh mana kemajuan kerjasama Kerajaan Thai (Siam) tentang gerakan menentang keganasan kominis di Sempadan Malaysia Thai setakat menandatangani Perjanjian baru dengan Kerajaan Thai sekarang ini dan juga semasa pelaksanaan perjanjian dulu dengan Kerajaan Thai.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Perjanjian yang ditandatangani oleh Menteri-menteri Luar Malaysia dan Thailand pada 4hb Mac, 1977 bukanlah satu Perjanjian yang baharu. Ianya adalah Perjanjian yang berasaskan kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian yang lama tetapi diubahsuai supaya ianya lebih berkesan lagi di dalam usaha-usaha bersama menentang kegiatan kominis di kawasan perbatasan Malaysia/Thailand.

Sejak Perjanjian itu ditandatangani kerjasama dari Thailand sungguh memuaskan. Sidang Jawatankuasa Am Sempadan telah diadakan pada 11hb April, 1977 di Bangkok iaitu sebulan selepas Perjanjian ditandatangani. Di dalam sidang tersebut Jawatankuasa Am Sempadan telah dapat membaharui ikrar untuk bekerjasama dan menetapkan yang kerjasama itu bukan sahaja di dalam tindakan ketenteraan bahkan juga di dalam membangun sosio-ekonomi penduduk-penduduk di kawasan perbatasan.

Sukacita juga disebutkan di sini bahawa Gerakan Daoyai-Musnah I dan II yang berupa dua Gerakan Bersama secara besar-besaran dan melibatkan, pada pertama kalinya, Angkatan Tentera Malaysia adalah dilancarkan di dalam semangat (spirit) Perjanjian yang baharu ditandatangani itu.

Mengenai kerjasama Malaysia/Thailand semenjak ditandatangani Perjanjian yang dahulu pada tahun 1970 sehingga Perjanjian sekarang kedua-dua negara telah dapat melaksanakan beberapa kegiatan di dalam bidang perisikan, gerakan-gerakan darat, laut dan perangsaraf (psychological).

### DADAH—HUKUMAN KEPADA PENGEDAR

**13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa orang setakat ini telah menerima hukuman gantung sampai mati atau penjara seumur hidup kerana mengedar dadah dan berapa pula kes kematian akibat daripada penyalahgunaan dadah sehingga sekarang.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais bin Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seorang pengedar dadah telah dihukum mati sementara 7 orang yang lain dihukum penjara seumur hidup dan disebut dengan rotan. Pihak-pihak berkuasa tiada rekod berhubung dengan kematian yang disebabkan dari penyalahgunaan secara langsung pada ketika ini.

### DAIALOG DENGAN INTELEK

**14. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak telah berusaha untuk merapatkan perhubungan antara parti-parti politik Pembangkang dan Perikatan dengan tujuan untuk menjalinkan muhibbah serta perpaduan di kalangan berbagai-bagai kaum di negara ini demi untuk kemajuan negara, dan tertubuhnya parti Barisan Nasional adalah suatu peristiwa besar dan mustahak yang pernah berlaku dalam sejarah politik negara kita semenjak merdeka, tetapi walaupun demikian Kerajaan tidak pernah mengadakan sebarang daialog dengan kaum intelek di negara ini semenjak merdeka sehingga sekarang; nyatakan samada beliau akan mengadakan suatu daialog dengan kaum intelek dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk mendapat

fikiran-fikiran yang membina dari mereka demi untuk kepentingan pembangunan negara.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak pernah mengadakan sebarang daialog dengan kaum intelek di negara ini. Sebaliknya, pihak Kerajaanlah yang telah sentiasa berinisiatif menggalakkan daialog-daialog tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pembentukan Rukunegara, iaitu ideologi kebangsaan kita dan Dasar Ekonomi Baru adalah hasil daripada rundingan-rundingan dan perbincangan dengan intelek-intelek di dalam dan di luar Kerajaan.

Kerajaan telah membentuk beberapa saluran dan forum rasmi yang mengandungi intelek-intelek untuk membolehkan mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Di antaranya dapat saya sebutkan di sini:

- (a) Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap dan Majlis-majlis Penasihat dalam beberapa bidang seperti Perpaduan Negara, Alam Sekitar, Sains, Pelajaran dan Kebudayaan.
- (b) Seminar-seminar dan Persidangan-persidangan berhubung dengan perkara-perkara pembangunan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, yang dianjurkan oleh berbagai agensi Kerajaan, terutamanya Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia.
- (c) Penerbitan-penerbitan Kerajaan serta rancangan-rancangan di Radio dan Talivisyen di mana intelek-intelek dapat menyuarakan buah fikiran dan pendapat mereka mengenai perkara-perkara pembangunan.

Selain daripada forum-foram yang dianjurkan oleh Kerajaan itu, Menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan seringkali mengambil bahagian di dalam forum-foram yang dianjurkan oleh badan-badan sukarela dan universiti-universiti.

Kesemua forum-foram ini memungkinkan daialog-daialog di antara Kerajaan dan intelek-intelek, dan ini telah memberi sumbangan besar bagi meningkatkan lagi mutu perancangan dasar, penyusunan rancangan-rancangan dan pelaksanaan. Kerajaan akan terus menjalankan kegiatan-kegiatan berdaialog seperti yang saya sebutkan di atas, untuk mengambil

munafaat daripada buah fikiran dan syor-syor kaum-kaum intelek di dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya meneliti soal dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, yang menjadi masaalah di sini saya fikir ialah pengertian "intelek". Jadi saya mahu Menteri yang berkenaan menjelaskan apakah yang dimaksudkan "intelek" itu bagi penilaian (evaluation) untuk rakyat kita ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, memang soal seperti itu pun telah dibangkitkan apabila saya diminta memberi jawapan kepada soalan ini. Oleh kerana "intelek" boleh dianggapkan seorang yang ada pengetahuan, bukan sahaja intelek di dalam universiti. Misalnya, apabila saya dapat peluang di dalam Dewan yang mulia ini bertukar fikiran dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, maka Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah dianggap "intelek" juga. (*Tepuk*).

#### POLIKELINIK DI HOSPITAL MUAR

15. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada atau tidak pembinaan poliklinik baharu di Hospital Muar telah siap sekarang setelah melambat-lambatkan pembinaannya selama 1-2 tahun. Jika sudah, adakah bangunan ini dilengkapi dengan alat-alatan sempurna dan bilakah poliklinik itu boleh digunakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan poliklinik Muar hampir-hampir siap kecuali beberapa buah tingkap dan palang besi. Kementerian saya telah diberitahu bahawa kerja-kerja tersebut akan siap dalam beberapa minggu lagi. Semua alat-alat kelengkapan perubatan dan pembedahan yang perlu bagi poliklinik tersebut telah dibeli. Poliklinik tersebut akan digunakan sebaik-baik sahaja kerja-kerja tersebut siap.

#### GURU-GURU SEKOLAH— BEBAN KERJA

16. **Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa guru-guru sekolah pada masa

sekarang sentiasa dibeban dengan tanggungjawab lebih seperti menyeliakan rancangan pinjaman buku teks, khutub khana sekolah bimbingan kerjaya dan sebagainya selain daripada mengajar, samada aktiviti-aktiviti tersebut mengganggu kemajuan pelajaran sesebuah sekolah.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu bilangan guru telah bertambah dengan pesat dan penambahan yang lebih pesat sedang diusahakan supaya beban kerja guru sebagai pengajar dapat dikurangkan. Di samping itu guru dikehendaki menjalankan berbagai kerja lain sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya.

Menguruskan perpustakaan, membimbing murid-murid, melaksanakan sekim pinjaman buku teks dan sebagainya adalah sebahagian daripada tugas-tugas biasa seseorang guru. Tugas-tugas ini adalah dijalankan di masa-masa tertentu dan bukan di waktu mengajar, dan oleh itu tidak mengganggu pengajaran mereka.

#### SURAU DI SEKOLAH-SEKOLAH

17. **Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian ini bercadang untuk melengkapkan setiap sekolah yang ada didirikan pada masa hadapan dengan sebuah surau.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk melengkapkan setiap sekolah yang akan didirikan pada masa hadapan dengan surau. Sungguhpun demikian, sekolah-sekolah tertentu mungkin akan diadakan surau sekiranya difikirkan perlu dan ada bilik-bilik yang kosong untuk tujuan itu. Selain dari ini tidak ada halangan bagi murid atau guru menggunakan apa juga tempat untuk sembahyang atau lain-lain kegiatan agama mengikut cara yang biasa dibuat oleh semua orang Islam di mana-mana juga. Ketiadaan tempat khas tidaklah patut dijadikan alasan kenapa ibadat sembahyang dan lain-lain kegiatan agama tidak ditunaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh satu jam untuk Soal Jawab telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

## PUSAT KESIHATAN KECIL DI PUCHONG

**18. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau bercadang membina satu klinik Kesihatan Kerajaan di Puchong untuk memberi perkhidmatan kepada lebih dari 10,000 penduduk-penduduk kampung, ladang-ladang dan juga sekeliling kawasan Puchong.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Suka-cita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Batu 14½ Puchong telah diluluskan. Pada masa ini projek tersebut ialah di dalam peringkat tender dan pembinaannya akan dimulakan apabila peringkat tersebut selesai. Di samping ini, sebuah poliklinik di Puchong telahpun siap dibina dan akan mula memberikan perkhidmatan tidak lama lagi.

## HARGA GULA

**19. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengurangkan harga gula di Malaysia memandangkan bahawa harga gula di pasaran dunia telah diturunkan beberapa lama dan lagi kenaikan harga gula di Malaysia telah dibuat apabila harganya dinaikkan dalam pasaran dunia semasa inflasi.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Adalah benar bahawa harga gula di pasaran dunia telah turun baru-baru ini. Tetapi buat masa sekarang, Kerajaan tidak boleh menurunkan harga runcit gula di pasaran tempatan selaras dengan harga pasaran dunia kerana sejumlah besar keperluan gula mentah negara kita bukan didapati daripada pasaran bebas antarabangsa tetapi daripada pembekal-pembekal Australia, mengikut satu Perjanjian Jangkamasa Panjang dengan negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika Perjanjian tersebut ditandatangani pada tahun 1974, harga gula di pasaran dunia telah meningkat ke paras yang tinggi kerana kekurangan bahan tersebut di merata dunia. Mengikut Perjanjian tersebut, Australia akan membekal hampir 70% daripada jumlah keperluan gula mentah negara kita sehingga tahun 1980, dengan

harga permulaan ditetapkan sebanyak M\$722/long ton pada tahun 1975. Harga yang dipersetujui itu, adalah sangat murah, sekiranya dibandingkan dengan harga gula di peringkat antarabangsa pada masa itu, iaitu sebanyak M\$2,522/long ton. Oleh kerana perjanjian bekalan tersebut dengan negara Australia maka Kerajaan telah dapat mengelakkan kenaikan harga gula kepada 90 sen/kati di peringkat runcit pada tahun 1975.

Tetapi pada hari ini, tidak boleh dinafikan bahawa harga gula di bawah Perjanjian tersebut adalah lebih tinggi jika dibanding dengan harga gula di pasaran antarabangsa sekarang. Memandangkan kepada kedudukan ini, Kementerian saya baru-baru ini telah mengadakan perundingan semula Perjanjian Bekalan Gula dengan pembekal Australia. Hasil perundingan tersebut telah dikemukakan kepada Jumaah Menteri yang mana telah memutuskan supaya perundingan lanjut hendaklah diadakan dengan Lembaga Gula Queensland bagi mendapatkan tawaran yang lebih baik. Sehingga kedudukan Perjanjian Bekalan Gula dengan Australia diselesaikan. Kementerian saya tidak dapat mengkaji semula harga gula kepada pengguna-pengguna Malaysia.

## PEKERJA-PEKERJA KILANG TARAF PERINTIS

**20. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan, memandangkan banyak kilang-kilang yang telah dibuka oleh Kerajaan dan Badan-badan separuh Kerajaan:

- (a) samada pengambilan pekerja-pekerja dibuat mengikut komposisi kaum di negara kita dan samada beliau bercadang mengemukakan undang-undang mengenai perkara ini; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa di setengah-setengah kilang, pengambilan pekerja mengikut komposisi kaum ini tidak dijalankan langsung, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap kilang-kilang ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Segala tempat pekerjaan, termasuk kilang-kilang yang didirikan oleh Kerajaan dan Badan-badan separuh Kerajaan, adalah dikehendaki mematuhi kepada Dasar Ekonomi Baru, di

mana pengambilan pekerja-pekerja harus mencerminkan keseimbangan mengikut komposisi kaum penduduk negara kita. Objektif keseimbangan ini adalah satu yang dilaksanakan dalam jangka masa 20 tahun.

Mungkin akan terdapat di sesuatu tempat pekerjaan di mana pengambilan pekerja tidak pada masa ini mencerminkan dasar ini dan Kerajaan adalah sentiasa memeriksa dan mengambil tindakan untuk membetulkan kedudukan itu dalam pengambilan pekerja-pekerja yang baru.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengemukakan satu rang undang-undang mengenai perkara ini. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat ini dengan secara gesaan dan tidak dengan cara paksa. Jika Ahli Yang Berhormat mengetahui berkenaan dengan kilang-kilang yang tertentu yang tidak langsung mematuhi Dasar ini, saya harap beliau dapat memaklukkannya kepada Kementerian saya.

#### **KENYATAAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

##### **Tuduhan terhadap Polis Sabah**

3.36 *ptg.*

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik dalam ucapannya di Dewan ini pada 9hb Ogos tahun lalu dan diulangi sekali lagi dalam Persidangan Parlimen Keempat Penggal Kedua bulan Disember 1976, telah membuat tuduhan-tuduhan yang sangat berat terhadap Polis Sabah. Dalam ucapannya beliau telah berkata antara lain:

“Pendek kata bolehlah saya menggambarkan di sini bahawa kesiksaan itu telah dilakukan belum pernah dirasai oleh sesiapa pun dalam Malaysia ini semenjak askar Jepun meninggalkan Negeri Malaysia 31 tahun yang lampau.

“Kesiksaan yang telah diberikan amatlah menyedihkan iaitu setengah-setengahnya dibakar dengan api rokok di badan mereka; setengah-setengahnya dipukul sehingga muntah-muntah.

“Apa yang menyedihkan dari angka 5,000 orang yang ditangkap boleh dikatakan 99% daripadanya mereka itu tidak berdosa.”

Saya telah berjanji di Dewan ini untuk menyasat peristiwa tersebut. Bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwil Dalam

Negeri maka saya meminta maaf kerana terlambat membawa perkara ini ke Dewan Negara kerana siasatan yang rapi dan halus perlu dijalankan dan ini mengambil masa. Tujuan kenyataan ini ialah untuk membetulkan rekod Dewan dengan keadaan yang sebenar-benarnya kerana “ekoran” dari ucapan Yang Berhormat itu seolah-olah pihak Polis di sana tidak mempunyai sifat-sifat perikemanusiaan langsung dalam menjalankan tugas mereka. Tuduhan yang demikian, jika dibiarkan boleh menimbulkan kesan yang tidak baik di dalam dan di luar Dewan.

Kementerian Hal Ehwil Dalam Negeri khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri berasa sedih dan “concerned” dengan perkataan-perkataan yang digunakan untuk menguatkan hujjah-hujjahnya lebih-lebih lagi apabila diukur daripada kejadian yang sebenarnya tidaklah seperti diucapkan. Mungkin Yang Berhormat itu tidak sempat untuk mencari perkataan yang sesuai untuk digunakan atau tidak berkesempatan menengok sendiri kejadian yang sebenarnya; dan saya yakin Yang Berhormat itu tidak mempunyai maksud untuk membuat tuduhan-tuduhan yang begitu melulu dan tajam.

Berikutan dari aduan resmi yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik kepada Polis Kuala Lumpur, setelah ia mengemukakan perkara ini di Dewan ini, satu pasukan Polis dari Ibu Pejabat Polis di Kuala Lumpur telah dihantar ke Sabah untuk menjalankan penyiasatan.

Untuk makluman Dewan ini, perlulah saya nyatakan bahawa aduan resmi dari Yang Berhormat Datuk Syed Kechik itu adalah secara umum atau “general in nature”. Di dalam satu temuduga dengan pihak Ibu Pejabat Polis, ia telah menyebutkan nama dua orang yang terkenal, yang menurut Datuk Syed Kechik boleh mengemukakan keterangan-keterangan yang lanjut terhadap orang-orang yang telah mendapat kekerasan dari pihak Polis Sabah. Di samping itu ia juga telah mengemukakan satu senarai yang mengandungi nama-nama 14 orang yang dikatakannya telah membuat tuduhan terhadap Polis.

Di dalam tindakan penyiasatan yang dijalankan oleh pasukan dari Ibu Pejabat Polis itu, mereka telah menemuduga kedua-dua orang “personality” yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik itu, serta 14 mereka yang nama-namanya

ada di dalam senarai yang diserahkan kepada pihak penyiasatan itu. Selain daripada menemuduga mereka ini, pihak Ibu Pejabat Polis telah juga menemuduga lebih dari 100 orang lain sebagai usaha untuk mendapatkan keterangan-keterangan yang boleh membuktikan keadaan yang telah sebenarnya berlaku.

Inginlah pula saya memaklumkan bahawa kedua-dua orang "personality" yang disebutkan tadi, hanya dapat mengesahkan satu kes sahaja daripada 14 tuduhan-tuduhan yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik.

Kes ini telah disiasat, dan telahpun dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya Sabah untuk menimbangkannya. Selain daripada kes ini, pihak Polis telah juga menyiasat 30 aduan resmi yang lain, berasaskan kepada tuduhan-tuduhan yang telah dibuat oleh mereka yang telah ditemuduga itu. Kes-kes ini juga akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya Sabah untuk pertimbangannya.

Saya rasa tidak perlu saya menjelaskan tiap-tiap kes ini cara detail, oleh kerana ini boleh dianggap sebagai untuk mempengaruhi pendapat Timbalan Pendakwa Raya.

Satu perkara yang perlu saya menarik perhatian Dewan ini ialah kekerasan yang dikatakan itu berlaku semasa pihak Polis menjalankan tugas dalam satu rusuhan di mana beberapa biji bom telah digunakan yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan hartabenda. Pendek kata rusuhan ini boleh membawa akibat yang buruk serta mengancam ketenteraman awam jika pihak Polis tidak bertindak dengan cepat.

Untuk makluman Dewan seramai 278 orang telah ditahan untuk disiasat dan bukannya 5,000 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik. Ada daripada mereka telah didakwa di Mahkamah. Apa-apa jua tindakan yang dijalankan oleh pihak Polis dalam masa rusuhan itu adalah semata-mata bertujuan untuk memelihara keamanan serta keutuhan undang-undang negara dan pihak Polis semasa menjalankan tugas dan kewajibannya sentiasa menunaikannya dengan cermat, adil tetapi tegas.

Saya ingin menjelaskan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan kita khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dalam menjalankan tugasnya, adalah berpegang kepada perinsip "keadilan" tidak mengirakan bulu,

darjat atau pangkat. Sesiapa yang "takes the laws into their own hands" maka merekalah yang akan menerima akibatnya. Rekod Kerajaan kita dalam bidang melaksanakan undang-undang "rule of law" dalam negara kita sudah jelas dan terbukti.

Saya suka merayu di sini bahawa sebarang syor dan teguran yang disuarakan di dalam Dewan ini hendaknya bukan sahaja bertanggungjawab, tetapi juga yang lebih penting ialah syor dan teguran itu dapat membantu atau menolong Kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugasnya, khususnya dalam menjaga dan menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Akhirnya suka saya hendak memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie mengharapkan supaya peristiwa-peristiwa seperti ini dikemukakan kepada kami dengan serta merta dan janganlah menantikan persidangan Dewan. Ini sangat perlu kerana Dewan kita bersidang dalam masa yang tertentu dan jika keadaan itu serious maka akan merugikan kita.

Bagi pihak Yang Berhormat Menteri, suka saya hendak mengatakan bahawa setakat ini belum ada lagi aduan-aduan yang diterima secara rasmi yang dibiarkan begitu sahaja; dan semua aduan-aduan termasuklah "surat-surat terbang" disiasat belaka dan tindakan wajar diambil. (*Tepuk*).

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1975 DAN 1976)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976), 1977 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan iaitu Tambahan Ketiga, 1975 yang berjumlah \$60,373,986 dan Tambahan Kedua, 1976 yang berjumlah \$94,016,626 yang mana masing-masing ada dinyatakan di bawah Fasal 2 dan 3 dalam Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya akan mengemukakan Anggaran Belanja

Mengurus Tambahan Ketiga, 1975 yang berjumlah \$76,544,374 yang mana termasuk \$16,170,388 yang bertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan. Dalam Tambahan ini, sebanyak \$10,655,500 adalah dikehendaki bagi membiayai pembelian kapalterbang, helikopter, meriam pertahanan udara/aras rendah, refel-refel dan kenderaan-kenderaan; \$8,263,000 bagi pembayaran kenaikan gaji guru-guru di bawah Perkhidmatan Pelajaran, Sabah dan pembayaran tunggakan gaji dan bonus guru-guru di bawah "Unified Teaching Service" dan kakitangan bukan guru di Jabatan Pelajaran—Sarawak dan Sabah; \$15 juta merupakan pemberian sementara kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 1974 dan 1975 kerana kehilangan hasil dalam Wilayah Persekutuan dan \$20,720,000 diperlukan oleh Kementerian Kesihatan bagi membayar bonus dan elaun bantuan khas kakitangan, pembayaran kadar bahanapi berubah bagi penggunaan letrik, penambahan bekalan perubatan dan pembedahan serta bahan makanan di hospital-hospital dan untuk menampung kenaikan harga bekalan D.D.T.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 4 tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1976 yang berjumlah \$114,310,847 yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1976 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1976. Dari jumlah ini, sebanyak \$20,294,221 adalah bertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$3,531,531 dikehendaki oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan bagi membiayai pembayaran gaji, tunggakan dan bonus kakitangan untuk tahun 1975 berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun dan bagi membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga dalam tahun 1976; \$6,766,698 bagi membeli buku-buku teks di bawah sekim pinjaman buku-buku teks; \$20,787,147 untuk membiayai pembayaran bonus, tunggakan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun, perbelanjaan mengenai kegiatan pelajar-pelajar, elaun klinikal dan pelbagai perbelanjaan universiti-universiti dan lain-lain institusi pelajaran; \$10 juta bagi pembayaran

gaji guru-guru agama Islam dalam tahun 1976. Berkaitan dengan perkara ini, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengambil alih pentadbiran pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan. Oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dilakukan, pengambilan alih ini masih belum lagi diselesaikan. Sebanyak \$6,688,902 dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi membiayai belanja mengurus Negeri itu bagi tempoh mulai daripada tahun 1970 hingga tahun 1973; \$9,118,613 sebagai pemberian tahunan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana kehilangan hasil dalam Wilayah Persekutuan; \$7,627,859 bagi menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah terhadap Kerajaan Persekutuan mengenai perbelanjaan yang telah dibuat oleh Negeri Sabah daripada tahun 1966 hingga tahun 1972 di atas perkara-perkara di bawah Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama; \$10,552,863 merupakan sumbangan sementara Kerajaan Persekutuan kepada Dewan Bandaraya berdasarkan kepada jumlah hasil yang telah dipungut oleh Dewan Bandaraya bagi pihak Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Oleh kerana jumlah sebanyak \$10,552,863 ini telah pun digunakan oleh Dewan Bandaraya bagi pentadbiran kawasan-kawasan tambahan di dalam Wilayah Persekutuan, sumbangan sementara ini telah diberi buat sementara ini sehingga jumlah sumbangan sebenar yang akan diberi kepada Dewan Bandaraya ditentukan oleh Kerajaan. Sebanyak \$4,907,196 dikehendaki untuk diperuntukkan kepada Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri bagi membolehkan pendahuluan diberikan kepada Negeri Kedah untuk mengatasi kekurangan wang bagi keperluan belanja mengurus dalam tahun 1976; \$2 juta untuk menambah peruntukan "Perkhidmatan Rahsia" Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan \$2,008,346 bagi membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Kerjaraya Wilayah Persekutuan yang telah ditubuhkan dalam bulan Mac, 1975.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 8 tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahas, saya hanya suka mengingatkan bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 35 (1) seseorang Ahli Yang Berhormat hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Perkara-perkara yang terletak dalam bidang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1975 dan 1976 adalah seperti yang terkandung dalam Kertas-kertas Perintah No. 3, 4, 7 dan 8 dan hujah-hujah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara tersebut sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masaalah iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.55 *ptg.*

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua perkara sahaja untuk dikemukakan pada hari ini.

Berkenaan dengan Kepala B. 44, Jadual Pertama dan Jadual Kedua, lebih daripada 32 tahun telah lepas semenjak perang Jepun dilakukan di rantau ini, saya merasa bimbang mengapa bahagian Penyimpan Harta Musuh masih wujud lagi. Pada masa itu negeri Jepun ialah musuh kita dan sekarang negara itu telah menjadi negara yang bersikap sebagai sahabat kita. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri penjelasan maksud pejabat ini dan samada pejabat ini perlu diadakan lagi.

Yang kedua, memandangkan Kepala B. 1, Jadual Kedua—Parlimen, berhubung dengan Pejabat Setiausaha Parlimen. Oleh sebab keadaan sosial, ekonomi dan politik negara kita sedang berkembang dengan pesat, tentulah beban pekerjaan Pejabat Urusetia itu telah bertambah. Saya berharap Kerajaan dapat menimbang dan merancang untuk memisahkan Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya kedua pejabat ini dapat bekerja dengan lebih cekap, sesuai dengan kemajuan negara pada masa ini dan untuk masa yang akan datang.

3.56 *ptg.*

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar tadi dan saya juga mengikut nasihat Tuan Yang di-Pertua supaya saya bercakap dan menyentuh atas perkara-perkara Anggaran Tambahan. Walau bagaimanapun, saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menyeleweng sedikit, tolong izinkan, biar berjalan terus.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam Kepala B. 1—Parlimen yang mana tadi telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock. Walaupun perkara yang saya hendak cakap ini ada berupa polisi, tetapi dalam pentadbiran Parlimen setentang dengan wang peruntukan tambahan yang diminta ini, saya nampak ada tiga perkara yang patut difikirkan oleh Jabatan Parlimen.

Pertama sekali, kebetulan pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang baru ada, telah menjadi satu sungutan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara bahawa elaun-elaun yang diterima oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini lama sangat diterima, sampai 3-4 bulan baru selesai. Dengan keadaan ini cuba diperbetulkan balik supaya tuntutan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini dapat disegerakan dengan seberapa yang boleh. Ini demi kepentingan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Yang kedua, saya minta Tuan Yang di-Pertua memikirkan satu perubahan patut diadakan iaitu dalam masaalah membaca doa bila kita hendak bersidang. Saya faham bahawa doa yang kita baca ini ialah kelahiran daripada zaman penjajah dahulu, patutlah kita ubahsuaikan dengan kehendak Islam sebagai Ugama Rasmi Negara ini, iaitu pada mulanya, apa salahnya kita menyebut "Bismillahi-rahmani-rahim", sedangkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong waktu membuat Ucapan Titah Di Raja dimulakan dengan "Bismillahi-rahmani-rahim".

Yang ketiga, segala perkataan-perkataan dalam doa pembukaan mesyuarat kita itu mana-mana ada perkataan "Tuhan" digantikan dengan "Allah" sebab saya fikir ini adalah lebih tepat, lebih mesra bila Dewan menyebut dengan nama "Allah", dengan

kehendak "Allah". Malahan pula saya nampak bahawa Ahli-ahli Parlimen—Dewan Negara dan Dewan Rakyat, mereka tidak kekok menyebut nama Allah. Jadi dengan keadaan ini, kalau boleh supaya dipertimbangkan satu ketika kelak bahawa Doa yang kita baca di kedua-dua Dewan itu ditukarkan nama Tuhan itu kepada nama Allah.

Yang ketiga, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengubah pakaian Speaker Dewan Rakyat dan Presiden Dewan Negara termasuk Timbalannya dengan pakaian yang ada sekarang. Kita telah berjuang perkara ini, semasa Yang di-Pertua menjadi Wakil Rakyat dahulu pun kita meminta pakaian Speaker ini diubah. Jadi dengan keadaan ini, saya fikir sangat secukupnya atas kehendak negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pengurusan saya hendak bangkitkan iaitu berhubung dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) tahun 1976 yang ada di hadapan kita ini iaitu sebagaimana Kepala-kepala yang telah dinyatakan dalam Kertas Perintah 9 tahun 1977. Saya rujuk untuk perhatian Kementerian yang berkenaan dan saya cuma hendak menyentuh dalam Kertas Perintah ini iaitu menyebutkan berhubung dengan Kepala 9, P. 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Tambahan sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara bagi tahun 1975 berikutan dengan pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Harun. Saya bersetuju peruntukan ini diberikan tetapi satu pandangan yang saya minta kepada Kementerian ini oleh sebab Lembaga ini membuat satu kerja yang sangat baik kepada rakyat dan kakitangannya patutlah kita berikan peruntukan sebagaimana yang diminta ini. Tetapi dalam pentadbiran Lembaga Pemulihan Tanah Negara ini saya minta Kerajaan supaya meluaskan lagi tindakannya bukan setakat dalam masalah penanaman getah sahaja, termasuk koko dan padi dan kalau boleh satu peraturan hendaklah dibuat sesiapa juga yang memasuki rancangan pemulihan ini supaya bila mana kawasan-kawasan itu berhasil hendaklah dijadikan satu sistem peladangan. Dengan keadaan yang seperti ini akan lebih menyenangkan pegawai yang mentadbirkan dan juga akan menguntungkan negara.

Satu perkara lagi di bawah Kepala P. 19—Kementerian Perusahaan Utama iaitu dalam Rancangan Tanam Semula Getah, (iii) Rancangan No. 3 telah menganggarkan wang tambahan sebanyak \$16,115,250. Saya sangat bersetuju dengan kehendak ini tetapi kalau boleh Kerajaan memikirkan semula sebab kita tengok dalam Kertas Perintah 10 tahun 1977 yang ada di hadapan kita ini iaitu Kerajaan telah bersetuju memberikan sumbangan sebanyak \$300 pada tiap-tiap satu ekar tanah yang telah dimajukan oleh pekebun-pekebun kecil bagi menanam semula getah. Dalam masalah ini oleh sebab mengikutkan perkembangan negara kita ini dan kos perbelanjaan terlampau mahal kenapa Kerajaan tidak boleh memikirkan supaya \$300 ini ditambah kepada \$600. Dengan keadaan ini bahawa pekebun kecil kita dapat menerima bantuan menanam semula sebanyak \$1,200. Wang yang mereka dapat ini bukan untuk faedah dirinya tetapi untuk faedah pembangunan pekebun kecil dan pembangunan negara. Sebab kalau kita fikir dengan peruntukan yang ada sekarang ini memang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Kepala P. 31—Kementerian Perusahaan Awam berhubung dengan pembangunan luar bandar yang meminta sebanyak \$14,000,000 lebih. Ini satu perkara yang patut diperhati oleh Kerajaan bahawa dalam pembangunan ini selalu pemberian yang diberi kepada penduduk luar bandar bertindih, ertinya setelah tiga bulan satu projek itu diterima, tiga bulan lagi seorang Menteri datang, diterima lagi. Keadaan ini adalah merugikan kewangan negara kita. Kita boleh memahamkan satu-satu projek yang kita beri itu sekurang-kurangnya boleh sampai dalam satu tahun lepas itu bolehlah kita tambah lagi bila projek itu sudah menerima kerosakan. Kita jangan mementingkan dalam masalah kehendak rakyat tetapi akan memboroskan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan iaitu berhubung dengan Kepala P. 8—Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Saya mengharapkan perbadanan ini akan mengkaji satu anak daripada PERNAS dan saya telah bangkitkan dahulu iaitu Pernas-Edar bahawa Pernas-Edar ini anak kepada PERNAS kita telah memberikan peruntukan wang yang begitu banyak tetapi bila diikuti pada akhirnya adalah mengecewakan dan menghampakan sesiapa juga yang

mengharapkan langganan daripada Pernas-Edar ini. Saya tidak tahu bagaimana jadinya keadaan begini kadangkala pemborong-pemborong bumiputra kita berhajatkan barang-barang daripada Pernas-Edar ini, barang-barangnya tidak dapat dan kadang-kala ada khabar yang diberitahu kepada kita bahawa pegawai-pegawai daripada Pernas-Edar ini menyelewengkan kehendak Kerajaan. Jadi masalah yang seperti ini juga kalau kita sayangkan kewangan kita yang bertujuan kerana hendak memberikan faedah kepada rakyat dan negara supaya kita semak dan kaji semula dan ambil tindakan kepada mereka yang menyeleweng dan pentadbirannya itu patut kita perbaiki dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk dalam Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam berhubung dengan bekalan air yang Kepala-kecilnya, Bekalan Air Batu Pahat Peringkat Kedua yang meminta wang tambahan sebanyak \$2½ million. Bagi negeri Johor memanglah kita berterima kasih kerana rancangan ini sedang dijalankan dengan begitu baik tetapi bagi kawasan-kawasan di daerah Batu Pahat yang terlibat dengan projek ini pada masa sekarang tidak begitu memenuhi, banyak juga kampung-kampung yang tidak terlibat dalam projek ini. Di samping itu, izinkan saya bercakap dan mengingatkan Kementerian yang berkenaan ini bahawa di negeri Johor bukan sahaja di Batu Pahat yang mustahak supaya disegerakan bekalan air termasuklah juga di Segamat, Johor Bahru dan Muar. Muar pada masa sekarang sangat tenat, keadaan air sangat menyusahkan penduduk di sana dan bekalan air paip tidak boleh diberikan kepada penduduk-penduduk di sana. Dalam masalah ini saya mengharapkan Kerajaan Pusat ini bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Johor supaya berikhtiar meminjam wang daripada bank mana-mana samada Bank Pembangunan ASEAN atau di mana-mana bank supaya dapat memberikan bekalan air kepada tempat-tempat yang saya ceritakan ini dengan seberapa segera yang boleh sebab kalau menengok keadaan kesusahan rakyat pihak kita tidak terasa sangat sedih berhubung dengan mendapatkan bekalan air di ketiga-tiga daerah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya izinkan saya hendak menyentuh dalam satu perkara berhubung dengan Kementerian Pertahanan. Tadi Menteri berkenaan me-

nyatakan ada satu peruntukan sejumlah yang tertentu dengan tujuan alat peperangan. Saya sangat bersetuju atas peruntukan itu diberikan kepada Kementerian Pertahanan demi menjadi keutuhan dan kedaulatan negara kita. Kementerian ini patut mengambil satu perhatian dalam mana kita membekalkan senjata yang begitu besar peruntukannya. Satu perkara yang patut difikirkan dengan mendalam oleh Kementerian ini iaitu satu pergolakan atau keretakan sedang berlaku dalam Kementerian Pertahanan ini berhubung dengan ramainya pegawai-pegawai kanan bukan Melayu memberi notis minta berhenti dari Kementerian Pertahanan. Saya harap kejadian macam ini diperhatikan oleh Kementerian ini. Saya fikir mereka memberi notis berhenti itu ialah pegawai-pegawai yang bukan bumiputra, mereka mengatakan tak puas hati dengan pentadbiran Kementerian Pertahanan dan kalau kita beli senjata yang macam ini banyak, kita letakkan manusia yang banyak tak puas hati ini, jadi hasrat Kerajaan kita membekalkan senjata tidak sejajar untuk mempertahankan negara.

Oleh itu, saya harap Kerajaan memandang serius atas kedudukan perkara ini, sebab saya khuatir bahawa kejadian ini akan berleluasa bukan sahaja pada peringkat pegawai akan berterusan bahkan ke peringkat bawahan. Kalau mereka itu menulis surat minta berhenti daripada memegang jawatan dalam Kementerian Pertahanan, kita alu-alukan mereka berhenti. Saya tak tahu tata-tertib yang ada dalam Kementerian Pertahanan, mungkin Kementerian yang berkenaan akan memberi jawapan. Saya membuat ucapan ini bukan tuduhan tetapi ini satu perkara yang benar dan ada kenyataan dan saya harap perkara ini diperhati oleh Kementerian Pertahanan supaya diperbaiki dan diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh supaya ketahanan negara kita itu utuh yang dapat dianggotai oleh semua bilangan kaum dalam tanahair ini.

Yang Berhormat Menteri berkenaan juga telah menyatakan tadi bahawa satu peruntukan ada diberi kepada anggota polis kita dan di dalam Kertas Perintah ini juga ada menyebutkan, kerana membaiki balai-balai polis dan juga ada satu peruntukan token vote \$10 kerana memagari kawasan Sempadan Malaysia/Thailand. Usaha ini sangat baik, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan memperbaiki kedudukan anggota polis kita yang berkhidmat menjaga keamanan negara

ini dan mengawal keselamatan seluruh rakyat, maka tempat kediaman mereka itu memang sewajarnya Kerajaan perbaiki dari setahun ke setahun.

Satu masalah lagi dalam hal ini saya hendak bangkitkan dan ini barangkali yang akhir sekali ucapan saya ada kaitan juga dengan anggota polis iaitu kalau kita berikan peruntukan wang yang begitu banyak dan kita berikan kemudahan rumah sebagaimana yang diminta dari wang tambahan ini, tetapi sekiranya anggota polis kita yang ada sekarang tidak mempunyai nilai, mutu dan disiplin maka harapan negara dan harapan Kerajaan juga tidak akan tercapai. Saya tidaklah menuduh anggota polis kita, sebab mereka itu menjalankan khidmat dengan cemerlang dan menukar jiwanya dengan mempertahankan keselamatan negara ini. Saya hendak sentuh ada satu bahagian dalam pasukan polis yang dalam peruntukan inipun ada menyebut berhubung dengan jabatan di pusat anggota polis telah mengadakan Bahagian Tatatertib. Bahagian Tatatertib ini telah meminta orang ramai menyampaikan maklumat kepada pihak Jabatan Polis supaya diambil tindakan kepada anggota polis yang melanggar tatatertib. Setakat ini 20 orang anggota polis telah dibuang kerja dan diberhentikan. Jadi Bahagian Tatatertib ini sangat baik dan inilah satu cara dan peluang bahawa orang ramai dapat memberitahu pada badan ini supaya tiap anggota polis yang melanggar tatatertib itu dapat diambil tindakan bagi menjadikan mereka berdisiplin dan bermutu.

4.08 ptg.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976) ini dan akan berterima kasih mengingatkan kepada beberapa Kementerian. Yang pertama sekali, saya suka menyebutkan B. 32 iaitu Kementerian Kesihatan meminta tambahan untuk membayar tambahan gaji dan membayar bonos dan elaun bantuan khas kepada kakitangannya itu. Perkara ini berlaku di Seremban, di lain tempat saya tidak tahu. Saya terpaksa bercakap kerana saya datang dari Seremban walaupun perkara ini sudah berlaku dan jangan berlaku lagi. Perkaranya ialah kakitangan Pejabat Kesihatan menunggu bonos ini sampai hendak mogok baru hendak dibayar. Ini perkara

benar yang sudah berlaku kerana hampir waktu hari raya semua jabatan sudah membayar bonos pada kakitangan tetapi Pejabat Kesihatan Seremban belum bayar. Saya tidak tahu di mana silapnya sehingga ada kakitangan hendak mogok barulah tergesa-gesa petang itu juga yang office sudah tutup cari ikhtiar duit hendak bayar. Kita harap perkara begini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang.

Saya hendak bercakap dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri. Apa yang saya hendak sebutkan kerja mereka ini baik, tetapi saya heran orang itu sudah beritahu yang dia tak ada sangkut-paut dengan perkara itu tetapi tuntutan datang juga tiap-tiap tahun. Saya fikir kakitangan yang bertugas di situ tak ada kerja agaknya, mereka tulis sahaja dengan kehendak hatinya. Jadi borang yang ditulisnya itu merugikan Kerajaan iaitu membuang duit Kerajaan. Jadi jawabnya kerana orang yang dituntut itu sudah beritahu hitam-putih bahawa perkara yang dituntut itu orang itu tidak lagi berniaga, katalah, mereka membuka satu syarikat dan syarikat itu sudah tidak berjalan, maka dua tahun daripada itu dia tak menuntut, tetapi pada tahun yang ketiga datang balik tuntutan.

Saya harap pegawai-pegawai yang ada dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri janganlah membazirkan borang-borang itu. Kalau satu borang berharga 10 sen, kalau sudah hantar ramai bilangannya membazir, banyak juga duit Kerajaan yang hilang. Hantarlah kepada orang yang betul-betul ada kaitannya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh P. 33—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya bukan hendak mengatakan pihak Polis kita tidak menunaikan tugasnya yang baik, tidak, mereka telah menunaikan tugasnya cukup baik, tetapi ada pegawai Polis di Seremban yang menyalahgunakan kuasa yang ada padanya. Saya kata begitu kerana baharu-baharu ini berlaku pada diri saya sendiri. Kalau pegawai atau Kementerian hendakkan buktinya boleh ikut saya pergi ke Seremban, saya akan bawa seorang anak yang sudah ditangkap, kemudian itu ibu bapanya datang berjumpa saya untuk menjamin anaknya itu. Saya pergi jumpa kepada pihak Polis dan pegawai yang menjaga kes ini ianya mengatakan anak ini tidak boleh dijamin. Saya kata kalau hendak dijamin bagaimana? Katanya Mahkamah tidak benarkan dijamin. Kalau hendak dijamin kena jumpa Majisteret. Baiklah saya

pun pergi daripada Pejabat Polis itu ke Mahkamah. Saya jumpa orang Mahkamah, buka sahaja buku—Ah! budak ini boleh dijamin \$500 katanya. Jadi ertinya pegawai Polis yang bertugas menjaga kes ini telah berbohong kepada saya, ertinya menyalahgunakan kuasa yang ada padanya. Mahkamah kata boleh dijamin maka pihak pegawai Polis yang menjaga kes ini mengatakan tidak boleh dijamin. Perbuatan begini rasa saya tidak baik. Ini dibuat oleh seorang pegawai itu sahajalah, bukan yang lain. Yang lain ini khidmatnya cukup baik tetapi pegawai yang saya sebutkan ini, berjawatan Inspektor, barangkali ianya pegawai baharu. Itu kena pada saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara, berani sedikit pergi berjumpa Majisteret. Kalau kena orang kampung, orang yang marhain, terus anak ini tidak dapat dijamin. Perkara begini, saya harap Kementerian tersebut dapat memberi disiplin kepada anak-anak buahnya supaya jangan berlaku lagi.

Sekianlah sahaja yang dapat saya cakapkan dalam perkara ini.

4.23 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang tetapi oleh kerana dalam Dewan Negara ini tiada Committee Stage maka dengan sebab itu saya hendak bercakap secara umum, kemudian saya hendak menyentuh perkara-perkara yang berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di negara ini kita ada mempunyai Parlimen yang dibahagi dua iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Oleh sebab itu apa pembahagian yang dapat di Dewan Rakyat mesti juga didapati di Dewan Negara. Di sini kita ada President dan Deputy President. Apa yang kita kehendaki jikalau misalnya Speaker Dewan Rakyat diberi kereta oleh Kerajaan maka tentu sekali President Dewan Negara inipun dapat kereta yang diberi oleh Kerajaan. Begitu juga jika Deputy Speaker di Dewan Rakyat dapat kereta, Deputy President di Dewan Negara pun mestilah dapat kereta ataupun segala kemudahan yang diberi kepada Dewan Rakyat mestilah diberi kepada Dewan Negara. Pada hari ini, saya tahu di Dewan Rakyat diberi kereta kepada Deputy Speakernya, tetapi di Dewan Negara, Deputy Presidentnya tidak mendapat kereta daripada Kerajaan. Dengan sebab itu jikalau

di sana membuat undang-undang, maka di sini pun tempat meluluskan undang-undang juga. Jadi Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah serupa dipandang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu saya hendak bercakap berkenaan dengan pertahanan. Pada zaman ini kita bukan berkehendakkan banyak sangat askar-askar di dalam pertahanan luar negeri, di dalam negeri adalah perlu. Pada hari ini di negara China Komunis yang mempunyai sebanyak 7 juta askar, sekarang cuba memperkecilkan sedikit tenteranya oleh kerana didapati kalau askar banyak ditembak orang, kalau misalnya senjata kurang, bawa payung sahaja jadi raincoatnya, bawa baldi dan kawah sebagai tempat makanan dan senjatanya cuma senapang patah, askar yang berjuta-juta itu tidak ada makna.

Pada hari ini apa yang dikehendaki ialah senjata yang betul-betul moden. Apabila petik switch di sini meletup di Russia, petik switch di sini meletup di New York yang cuma berkehendakkan satu orang sahaja, tidak payah askar-askar untuk menjahanamkan kota-kota besar. Ini yang dikehendaki pada zaman ini. Dengan sebab itu, saya haraplah kalau hendak membeli senjata, mestilah membeli senjata-senjata yang sehabis-habis moden. Satu masa dahulu Ahli-ahli di Dewan Rakyat telah membincang atas pembelian tank atau armoured car oleh Kementerian Pertahanan. Armoured car yang dibeli mempunyai meriam yang tercodak sahaja dan tidak boleh dipusing-pusingkan dan kena dinaikkan ke atas bukit baharu boleh tembak ke atas, ke bawah tidak boleh. Ini membazir betul, barangkali entah berapa banyak yang telah dibuang atau jadi scrap di atas perkara ini. Ini terpaksa kita tegur di Dewan Negara atau di Dewan Rakyat. Ini adalah wang rakyat semuanya. Ini adalah perkara benar. Pada hari akan datang tiap-tiap satu sen yang dibelanjakan mestilah dibuat atau dibeli benda-benda yang betul-betul baik supaya jangan membuang wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya bercakap berkenaan dengan Kementerian Perumahan. Kementerian Perumahan telah berjanji kepada rakyat jelata dalam Rancangan Lima Tahun Ketiga ini hendaklah diberi keutamaan kepada orang-orang miskin bagi mendapat rumah yang betul-betul murah. Sekarang ini rumah yang dikatakan betul-betul murah berharga \$12,000 sedangkan pendapatan buruh-buruh setinggi-tinggi

\$200 sebulan. Rumah yang berharga \$12,000; \$15,000; \$25,000 terpaksa dibayar sampai \$100-\$200 sebulan. Kemudian daripada itu Perbadanan Kerajaan Persekutuan ada pula lawyer's feesnya. Orang miskin yang mendapat rumah murah ini terpaksa membayar lawyer's fees sampai \$400. Mereka hendak membayar \$100 sebulan pun susah, ini mesti bayar kepada lawyer \$400. Jadi bagaimana Kerajaan hendak menolong rakyat dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menanam bunga di Wilayah Persekutuan ini hendak ikut seperti Singapura menanam bunga, tetapi tidak dibaja, tidak dilayan bunga itu. Difikirkan Tuhan akan menolong supaya pokok bunga berbunga, bukan berbunga itu cuma menjirus air boleh berbunga, Tuan Yang di-Pertua. Cuba tengok di Wilayah: bunganya tidak kembang, tidak elok. Cuba tengok di Singapura: cantik bunganya, daunnya menghihau. Orang buat, kita pun buat, tetapi kita tidak jaga dengan sempurna. Jadi kita cuma pandai buat sahaja tetapi hendak mengatur tidak berapa elok.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai Kementerian Perhubungan. Kementerian Perhubungan ini, kalau orang hendak mengambil lesen pemandu kereta, ada pula sekeolah memandu atau testers ini mengajar, sudah dibayar hampir \$200-\$300, hendak mendapatkan lesen mesti pula bayar kepada orang yang mengajar kita itu sekurang-kurangnya \$50. Katanya kalau tidak diberi \$50 . . . . .

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, bukan Kementerian Perhubungan yang berkaitan dengan pengajar itu tetapi Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Terima kasih. Jadi diminta pula \$50 dari orang yang belajar itu. Ini siapa hendak? Tester itu yang berkehendakkannya. Kerajaan mestilah siasat di atas perkara ini. Ini tiap-tiap orang kena. Kalau hendak bukti pun, boleh saya beri bukti. Ini bukan cakap kosong sahaja tetapi cakap benar. Kalau tidak, rakyat yang pergi untuk mengambil lesen ini ada yang bekerja buruh dan sebagainya untuk mendapat lesen ini bukan sahaja terpaksa membayar \$150-\$200 tetapi terpaksa pula membayar untuk mendapatkan lesen \$50 lagi untuk tester ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kerajaan berkehendakkan segala pemuda dan mudinya kuat, sihat dan pandai, itu tujuan Kerajaan. Jikalau belianya sihat, negaranya pun sihat. Itulah sebabnya diadakan kompleks sukan tetapi peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sangatlah sedikit. Belia di tanahair kita ini terdiri 70 peratus dari pemuda-pemuda, yang tuanya cuma 30 peratus. Peruntukan yang diberi kepada Kementerian Belia, kalau dibandingkan dengan Kementerian lain tersangatlah sedikit. Jadi bagaimana berkehendakkan belia-belie kita berjaya menunggang basikat keluar negeri misalnya. Kalau hendak pergi keluar negeri untuk mendapatkan pengalaman dan sebagainya terpaksa minta bantuan kepada firma-firma untuk pergi keluar negeri. Jadi dengan sebab ini, saya berharap belia-belie ini hendaklah makan betul-betul supaya sihat dan hendaklah makan telur sekurang-kurangnya empat hingga enam biji sehari, makan butter dan cheese. Orang Jepun dahulu pendek-pendek, sekarang telah tinggi oleh kerana belia-belianya makan makanan yang sihat-sihat. Belia kita hendak lawan basikal dan hendak lawan berlari, tidak sampai tiga depa mereka sudah mengah, muntah seperti mana kita tengok belia-belie kita semasa perlawanan Badminton dahulu, tidak sampai tiga suku permainan, mereka sudah muntah di tepi court. Jadi bagaimana belia kita boleh lawan dengan belia-belie yang lain. Dengan sebab itu, mestilah diberi peruntukan yang lebih banyak daripada yang ditetapkan kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan Jabatan Orang Asli. Orang Asli ini bumiputra yang asal sekali. Saya juga terkandung dalam takrif Orang Asli. Tetapi pemberian kepada Orang Asli ini sedikit sangat. Apa yang ditunjukkan, jalan hendak pergi ke Pahang, itulah dia Orang Asli. Kita pergi bersama-sama, ditunjukkan itu tempat Orang Asli. Ada reserve Orang Asli. Kerajaan tidak ada buat apa-apa rancangan. Rancangan-rancangan untuk menanam getah betul-betul sepertimana Rancangan Luar Bandar dibuat—tidak ada. Rancangan-rancangan yang berikhtisad supaya Orang Asli ini boleh kita ubah nasibnya. Nanti akan dijawab oleh Menteri yang bertanggungjawab: orang ini, orang liar; orang ini lari ke hutan. Mereka tidak hendak duduk dalam pekan, sebab dalam pekan ini panas.

Saya juga pada satu masa dahulu berasa panas duduk dalam pekan, tetapi lama kelamaan dilatih, saya lebih suka duduk dalam pekan daripada dalam kampung atau dalam hutan. Ini dikatakan begitu sahaja. Orang Asli ini lari ke hutan kerana hendak mencari damar, rotan dan sebagainya. Inikah caranya untuk meninggikan taraf hidup Orang Asli atau bumiputra yang asal ini? Pada masa yang akan datang mereka ini hendaklah diberi keistimewaan yang lebih lagi itu barulah betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih berkenaan dengan Sains dan Teknologi. Satu contoh di Petaling Jaya, orang yang duduk di Petaling Jaya sekarang barangkali tidak lama lagi banyak yang akan mati. Apa sebabnya asap yang keluar tidak dijaga. Satu masa di Kampung Penaga, saya hendak menolong orang di Kampung Penaga ini, berhampiran di situ ada Malaya Acid. Malaya Acid ini mengeluarkan acid yang beracun. Saya tolong orang-orang ini saya pun masuk hospital sama sebab udara di situ tidak boleh disedut, hampir hendak mati. Saya sudah tumbang di situ dan banyak orang telah rebah. Diadukan juga kepada Menteri Alam Sekitar, tetapi dia tidak peduli. Diadukan kepada Petaling Jaya Town Board tetapi tidak diambil apa-apa tindakan. Orang sudah mati, baru diambil tindakan. Sudah terbongkang dalam kain kapan, baru hendak ambil tindakan? Pukul 2.00 pagi (subuh) dilepaskannya asap itu di masa orang sedang tidur. Barangkali tidak lama lagi ramai orang yang sedang tidur mati kerana dikeluarkan asap itu.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita hendak berseloroh dan hendak ketawa juga, tetapi perkara ini sebenar-benarnya ada berlaku, bukannya perkara yang dikatakan main-main, oleh kerana kita hendak memelihara kesihatan penduduk di luar bandar atau di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

4.41 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.41 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1975 dan 1976). Di samping itu saya sukalah bercakap dalam perkara Kepala B. 23—Kementerian Pelajaran bersangkutan dengan Institiut Teknologi MARA Cawangan Negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, ITM Cawangan Negeri Perlis ini telah ditubuhkan pada tahun 1974. Terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri khasnya Kementerian Pelajaran bersangkutan dengan Cawangan ITM. Ucapan terima kasih diberi kepada Kerajaan Pusat yang telah bersetuju menubuhkan Cawangan ITM di Negeri Perlis dan Kerajaan Negeri pula telah mencarikan tempat, untuk mengadakan Cawangan ini dengan keluasan sebanyak 336 ekar tanah untuk Cawangan ITM di Negeri Perlis yang akan dapat menempatkan sebanyak 2,000 penuntut dari seluruh Malaysia. Cawangan ini telah ditubuhkan pada bulan Ogos, 1974. Penuntut-penuntut ITM ini pada masa itu ada seramai 258 orang yang boleh dikatakan dari seluruh negeri-negeri di Malaysia ini. Pada masa itu tempatnya belum disediakan lagi hanya menumpang sahaja di sekolah-sekolah di Bandar Kangar dan penuntut-penuntut itu begitu susah sekali mendapatkan tempat tinggal untuk disewa. Penubuhan Cawangan ITM ini selama tiga tahun sampailah pada hari ini, jadi yang mendukacitakan sekali ialah di atas proses pembangunan di tempat yang telah didapatkan itu hanya dalam masa tiga tahun ini baharu dapat diproseskan sebanyak 7 ekar daripada 376. Di dalam proses ini dapatlah dibuat 2 buah sekolah tempat belajar, perpustakaan, dewan dan kantin pun belum siap lagi. Ini sungguh tidak puas hati pada pandangan kita kerana penuntut-penuntut ini pada masa sekarang tempat makannya pun di bawah pokok getah, sebab

tanah yang diambil itu sebuah ladang getah. Apa yang kita harapkan supaya Kerajaan dapat mempercepatkan bangunan ITM Cawangan Negeri Perlis ini kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi sampai pada hari ini penuntut-penuntut ini telahpun meningkat sebanyak 358 orang yang ada belajar di situ yang terdiri dari negeri-negeri di seluruh Malaysia. Penuntut-penuntut yang banyak pada hari ini ialah penuntut-penuntut dari Perak iaitu sebanyak 98 orang, penuntut daripada Kedah 80 orang, penuntut Negeri Perlis 24, Sabah 10, Sarawak 4 dan lain-lain negeri termasuk yang saya katakan tadi sejumlah 381 orang. Dan Negeri Perlis sungguhpun hanya ada 24 orang penuntut tetapi Perlis berbangga pada hari ini dapat mengadakan sebuah Cawangan ITM di negeri itu. Bukanlah Perlis berkehendakkan penuntut-penuntut banyak tetapi Perlis berharap sebagaimana yang saya sebutkan tadi penyediaan bangunan nampaknya terlampau lambat berjalan. Sehingga hari ini ada seramai 381 orang tinggal di Kangar, tempat mula-mula mereka itu menyewa iaitu di Bandar Kangar, berulang akek sejauh lebih kurang 7 batu ke tempat belajar.

Apa yang kita harapkan ialah terutama sekali patut disiapkan berkenaan dengan asrama, tempat penuntut-penuntut ini. Walaupun asrama ini telah dicadangkan dua buah asrama perempuan dan tiga buah asrama lelaki yang akan didirikan tetapi setakat hari ini belum lagi dimulakan dan begitu juga jalan masuk ke ITM inipun belum dimulakan, hanya menumpang masuk ke jalan kecil yang ada itu sahaja. Kalaulah jalan ini tidak dimulakan, asrama juga tidak dibuat dan begitu juga penuntut-penuntut ini belajar dengan tidak begitu selesa, berkenaan lampu listriknya pun hanya memakai lampu listrik sendiri yang mana tidak begitu besar kuasanya (power). Di dalam 381 orang penuntut itupun tempat-tempat tinggal untuk menggunakan listrik terpaksa ditukar-tukar iaitu dipadam di satu tempat kemudian dicerahkan di satu tempat kerana tidak cukup powernya. Dengan keadaan begini tentulah menjadikan satu perkara yang menyusahkan, terutama sekali kepada pengetuanya.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pengetua ITM, iaitu Encik Wan Mohd. Razali yang mana mengambil begitu berat dan membuat hubungan-hubungan yang rapat sekali dengan pihak rakyat, dengan

pihak Kerajaan, dengan pihak parti-parti politik, Wakil-wakil Rakyat yang beliau selalu memanggil atau menjemput datang ke ITM itu untuk berdialog ataupun memberi penerangan-penerangan yang lebih dekat berkenaan kedudukan dan berkenaan kebaikan yang akan terdapat kepada penuntut-penuntut ITM yang ada di cawangan negeri Perlis dan saya nampak di dalam pengawasannya begitu baik sekali samada dengan pensyarah-pensyarah yang ada yang pada mulanya hanya 15 orang, ditambah pada tahun 1975 dan 1976 menjadi 19 orang dan sehingga hari ini pensyarah-pensyarahnya seramai 27 orang. Tenaga pengajarnya memang tidak kurang. Boleh dikatakan tenaga pengajar ini difahamkan boleh mengajar seramai 600 orang tetapi penuntutnya ada 381 orang sebab yang diberi ialah berkenaan dengan tempat tinggal kerana di tempat yang diadakan ITM ini tempat tinggal yang berhampiran di situ tidak ada tempat dan tempat yang dibuat ITM ini jauh ke dalam. Dengan masaalah inilah mereka mengatakan tidak dapat menerima lagi penuntut-penuntut. Itulah yang kita harapkan kepada Kerajaan supaya perkara yang saya sebutkan tadi dapat dilaksanakan dengan seberapa cepat mungkin yang boleh supaya perjalanan ITM cawangan Perlis ini dapat berjalan dengan lancar dan baik.

Perkara yang mendukacitakan di dalam taklimat yang diberi itu ialah bersangkutan dengan pensyarah agama. Pensyarah agama daripada mula ditubuhkan tahun 1974 sehingga kepada hari ini, tahun 1977, pensyarah dalam bahagian agama tidak ada. Ini mendukacitakan kita sekali kerana pensyarah-pensyarah dalam bahagian lain dapat diadakan dengan begitu cukupnya, malangnya pensyarah agama tidak ada, hanya dipinjam-pinjamkan ataupun diberi elaun-elaun daripada orang-orang yang berpengetahuan agama untuk memberi syarahan-syarahan agama kepada penuntut-penuntut ini. Dalam soal ini saya berharap kepada pihak yang berkenaan akan mengambil daya usaha ini supaya pensyarah agama itu dapat diadakan dengan secepat mungkin yang boleh semoga tidak ketinggalan bagi pihak ITM negeri Perlis khasnya di dalam bahagian agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya suka sentuh di dalam bahagian pengambilan sekolah-sekolah agama di tiap-tiap buah negeri dan dengan persetujuan Kerajaan Negeri sebagaimana yang kita mendapat

faham bahawa sebuah negeri itu akan diambil sebuah sekolah agama oleh Kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan. Sungguhpun kita dapat tahu bahawa ada negeri-negeri yang tidak memberi lagi sekolah-sekolah ini, walau macam manapun, bagi negeri Perlis telahpun memberi dua buah sekolah yang telah ada di negeri Perlis, iaitu Sekolah Alawiyah Arau, iaitu sekolah agama Arab yang tunggal di negeri Perlis yang lama telah wujud sebelum merdeka lagi yang di bawah pentadbiran Zakat dan Fitrah negeri Perlis pada masa dahulu tetapi dengan langkah Kerajaan ini bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis dan bagi pihak Zakat dan Fitrah negeri Perlis memikirkan bahawa adalah langkah Kerajaan untuk mengambil sekolah-sekolah agama ini di bawah pentadbiran Kerajaan akan dapat berjalan dengan lebih baik lagi pada masa yang akan datang. Itulah harapan bagi penduduk-penduduk negeri Perlis. Setakat hari ini kita belum tahu sejauh mana dan bagaimana keadaan sekolah-sekolah agama ini ditadbirkan oleh Kerajaan kerana baru sahaja diambil tetapi pada masa dahulu sebelum merdeka, sekolah agama yang saya sebutkan tadi diambil oleh Kerajaan pengeluaran penuntut-penuntutnya adalah tersangat baik dan boleh dipuji, pengajaran agama dan juga pengajaran bahasa Arab tersangat tinggi. Saya sebutkan begitu kerana terdapat penuntut-penuntut yang telah keluar dapat terus pergi keluar negeri melanjutkan pelajaran diterima terus seperti Universiti Al-Azhar dan lain-lain lagi. Begitu jugalah terdapat pada hari ini banyak penuntut-penuntut yang pada masa dahulu ada di seluruh Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur terutama sekali di Kolej Islam, pensyarah-pensyarahnya banyak juga terdiri daripada anak-anak negeri Perlis keluaran daripada sekolah Alawiyah, Arau dan begitu juga terdapat guru-guru agama dan imam-imam yang ada di negeri Perlis boleh dikatakan 95% adalah terdiri daripada penuntut-penuntut ini. Dengan pengambilannya oleh Kerajaan, selepas daripada ditadbirkan oleh Zakat dan Fitrah ini pada satu masa baru-baru ini Kerajaan telah memberikan bantuan kepada sekolah ini dan di dalam bantuan ini maka sekolah ini berjalan didapati keluaran di dalam matapelajaran penuntut-penuntutnya sangat merosot. Boleh dikatakan tiap-tiap penuntut yang ada di sekolah itu selama 7 atau 8 tahun, manakala penuntut-penuntut ini keluar barangkali tidak berapa tahu

bahasa Arab, agama dan kurang, pelajaran kebangsaannya pun kurang segala-galanya kurang, jadi tidak sampai ke mana penuntut-penuntut ini yang mana keluar baru-baru ini.

Saya juga tidak begitu faham apakah sebabnya begitu merosot sekali kedudukan matapelajaran di sekolah Arab setelah mendapat bantuan daripada Kerajaan. Apa yang saya dapat faham hanya matapelajaran yang diajar di sekolah Arab ini selepas daripada dapat bantuan maka satu daripada masanya diambil satu matapelajaran agama dan satu bahasa Arab, yang lainnya diajar bahasa Kebangsaan, tidak lebih dan tidak sama seperti penuntut-penuntut ini belajar di sekolah kebangsaan. Jadi agama dan Arabnya ini boleh sepiantas lalu. Boleh dikatakan tujuh lapan tahun belajar itu tidak boleh berbahasa Arab. Apa yang kita harapkan kepada Kerajaan pada hari ini bila mengambil alih sekolah-sekolah agama ini supaya dapatlah penuntut-penuntut ini benar-benar dapat mempelajari bahagian agama di sekolah ini begitu juga bahasa Arab yang mana kita tahu pada akhir-akhir ini boleh dikatakan penuntut-penuntut yang mengetahui bahasa Arab dan membaca Quran sedikit sangat pada hari ini. Kita harap dengan timbulnya sekolah ini barangkali boleh menambahkan balik penuntut-penuntut kita yang beragama Islam supaya dapat mempelajari balik bahasa Arab dan membaca Quran. Sekarang ini terdapat banyak yang tidak tahu membaca Quran setengah daripada setengahnya, malang sekali bagi kita lebih-lebih lagi dalam masa sepuluh tahun yang lalu sehinggakan tulisan Jawi ini ditenggelamkan langsung dan baru sekarang ini hendak dihidupkan semula. Maka kita berharap dengan pengambilan sekolah agama oleh Kerajaan ini juga akan dapat menentukan penuntut-penuntut kita yang beragama Islam ini dapat mempelajari bahasa Arab, membaca Quran dan ketinggian agama, itu yang kita harapkan.

Setakat hari ini kita mendapat faham bahawa buku-buku teks di dalam bahasa Arab memanglah kurang maka dengan ini juga kita berharap Kementerian Pelajaran dapat berusaha dalam perkara ini supaya dapatlah bagaimana caranya untuk mendapatkan buku-buku teks agama yang dalam bahasa Arab ini lebih banyak dapat dikeluarkan dan tidaklah ketinggalan bagi kita orang Melayu yang beragama Islam ini ketinggalan dalam bahasa yang saya sebutkan tadi.

Lagipun kita sesama maklum bahawa di sekolah-sekolah ini memanglah menjadi satu masalah kepada Kerajaan berkenaan guru-guru yang ada di dalam sekolah-sekolah, kerana guru-guru ini memanglah banyak guru-guru yang kurang terlatih khasnya kalau kita pandang sekolah agama yang diambilalih oleh Kerajaan Negeri Perlis memanglah banyak guru-guru yang kurang terlatih. Maka perkara ini kita berharap kepada Kerajaan akan dapat melatih guru-guru ini supaya tidak merugikan kepada penuntut-penuntut yang belajar di sekolah itu.

Begitu juga kita berharap Kementerian Pelajaran akan dapat mengadakan lebih banyak lagi pegawai-pegawai berkenaan dengan sekolah-sekolah agama ini. Setakat yang kita tahu hari ini di Kementerian Pelajaran hanya ada tiga orang sahaja, saya agak tidak mencukupi untuk melaksanakan, untuk melicinkan pentadbiran pergerakan sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia ini yang akan diambilalih ataupun yang telah diambilalih oleh pihak Kerajaan kalau dengan adanya tiga orang pegawai sahaja. Di sini saya berharap kepada Kementerian Pelajaran akan menambahkan pegawai-pegawai dalam bahagian ini supaya dapat melicinkan pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit dalam Kementerian Perhubungan bahagian talipon. Bahagian Jabatan Talipon ini di negeri Perlis duduknya di bawah negeri Kedah dan yang malang sekali baru-baru ini ada 13 daripada pemasangan orang yang menggunakan talipon itu telahpun dipotong taliponnya kerana tidak membayar talipon. Maka setelah beberapa orang yang saya temui, saya telahpun pergi ke Pejabat Talikom di Kangar, Cawangan Kedah maka didapati lima orang yang terlibat telahpun membayar tetapi dipotong. Ini semua mendukacitakan kerana talipon ini adalah satu hubungan di dalam soal perniagaan. Kalaulah orang yang betul-betul menjalankan perniagaan yang tidak berhenti-henti maka hubungan yang lebih tepat, yang mudah sekali ialah talipon kalau di dalam negeri di seluruh Malaysia ini. Tetapi manakala terdapat lima orang yang telah membayar tetapi dipotong maka saya berjimpalah dengan pegawai yang berkenaan untuk menanyakan tetapi malang sekali tidak mendapat layanan, membuat tidak hirau sahaja dalam masaalah ini iaitu pegawainya bukan seorang bumiputra dan saya bertanya ini ialah ber-

kenaan dengan penerimaan wang yang diterima daripada pembayar ini siapa yang menerima. Maka terdapat penerimaan itu Pejabat Talikom di Kangar yang menerima wang, perintah memutuskan talipon daripada Alor Star, wang ini dihantar ke Kuala Lumpur. Hubungan di antara ketiga-tiga pihak tidak ada. Di antara negeri Perlis dengan negeri Kedah dan Ibu Pejabat di Kuala Lumpur tidak ada hubungannya. Dengan sebab itu manakala perintah yang bersurat daripada Alor Star meminta dipotongkan maka kerjasama daripada pejabat di Kangar itu apalah salahnya kalau talipon ke bawah tanyakan samada orang ini sudah membayar ataupun tidak, dapatlah tahu. Kalau sudah dibayar tidak payah dipotong, kalau baru membayar setakat dua minggu tidak dapat tahu lagi. Dua minggu dibayar, sudah dipotong. Jadi, kalau talipon ke bawah bertanyakan ada atau tidak orang ini datang membayar tidak mengapalah, kalau sudah membayar tidak payah dipotong walaupun perintah daripada Kedah, tetapi dia hanya berkata perintah daripada Kedah, itupun dia masuk ke pejabat, dalam biliknyanya ia bercakap sambil lewa begitu sahaja.

Dalam perkara ini juga, saya harapkan Kementerian Perhubungan akan mengambil daya usaha seboleh-bolehnya kalau boleh apa yang diharapkan supaya Jabatan Talikom ini juga dikhaskan untuk menyimpan kerana kesemuanya saya tengok cukup hanya hendak mengasingkan Kedah dan Perlis. Dengan keadaan yang berlaku ini, saya ingat sudah sampailah masanya yang negeri Perlis juga patut diadakan Jabatan Talikom khas bagi negeri Perlis, kerana terdapat laungan-laungan kita pada masa yang lalu sebagaimana Pejabat Kereta Motor pada masa dahulu tidak ada telahpun diasingkan khas untuk negeri Perlis pada hari ini sudah ada, buruh pun telah diasingkan di sana. Perselisihan faham yang begini telahpun diadakan, maka talipon ini juga saya harap akan dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan perumahan. Perumahan yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang berharga murah. Saya nampak perumahan di negeri Perlis ini adalah sangat kecil terutama sekali penduduk-penduduknya boleh dikatakan 80% daripadanya ialah daripada penanam padi, pesawah bendang dan keadaan tanah di negeri Perlis juga pada masa sekarang tidak begitu mahal. Jadi keadaan perumahan murah ini selalu terdapat tanah

itu mahal maka rumahnya menjadi mahal tetapi di negeri Perlis harga tanah murah, jadi apa yang telah dirancangan oleh Kerajaan ini adalah sesuai bagi negeri Perlis dan negeri Perlis sangat-sangatlah berkehendakkan kepada perumahan dan pada hari ini belumlah ada begitu banyak lagi terdiri khasnya saya katakan di Arau sudahpun dirancangan, saya ingat sudah sepuluh tahun sampai hari ini tidak dapat diadakan. Saya tinggal di bandar Di Raja dan saya tak tahu hendak menjawab soalan itu kerana selalu dibangkitkan di dalam perjumpaan parti politik atau perjumpaan lain. Bila ditanya kepada Kerajaan Negeri, katanya baru hendak dibuat. Dan setelah kita dengar daripada Kerajaan Pusat peruntukan sebegini banyak dan pembangunan rumah murah akan diadakan, maka saya berharaplah supaya Kementerian Perumahan ini akan dapat mengadakan rancangan rumah murah ini khasnya di Arau supaya menampung kehendak rakyat sebagaimana saya sebutkan tadi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya ucapkan berhubung dengan Rang Undang-undang ini dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

*5.31 ptg.*

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Saya bangun untuk menjawab teguran daripada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah di dalam perhatian pihak yang berkuasa. Beberapa kajian telah dijalankan dari masa ke semasa dan perakuan-perakuan telah dibuat kepada pengusaha Malaya Acid Works untuk mengurangkan pencemaran udara dan bau busuk. Jika tindakan tidak diambil oleh pengusaha itu, tindakan mahkamah boleh diambil. Malangnya pada masa sekarang standard kawalan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling belum ditentukan. Tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan proses mengwartakan peraturan udara bersih (Clean Air Regulations). Kita bersimpati dengan penduduk-penduduk Kampung Penaga pada masa ini dan kita berharap mereka bersabar sedikit.

*5.33 ptg.*

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana tak banyak membangkitkan masalah-masalah dalam Kementerian saya. Walau bagaimanapun

kepada Yang Berhormat Senator Abdul Rahim Manan, saya ingin menjelaskan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh beliau. Memang perkara ini adalah betul dan telah terjadi dan ini adalah kerana kesilapan yang telah dilakukan oleh Pejabat Pengarah Perubatan dan Kesihatan (Chief Medical and Health Officer) Negeri Sembilan dan perkara itu telah dibereskan dan insya Allah, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini sedang diatasi dan saya berharap ianya tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang oleh kerana Jabatan Kewangan di Kementerian Kesihatan telahpun memberi arahan supaya get ready apabila sampai masanya, kita teruskan pembayaran.

*5.35 ptg.*

**Tuan Richard Ho Ung Hum:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Kementerian Kewangan dan juga bagi pihak Kementerian-kementerian lain yang belum sempat membuat jawapan kepada teguran-teguran yang telah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini dan mengucapkan beribu terima kasih di atas semua teguran yang telah disumbangkan dalam perbincangan pada petang ini.

Kalau saya meninjau sepintas lalu, ini dapat saya perhatikan bahawa satu sahaja perkara yang telah disentuh yang ada berkaitan dengan Perbendaharaan, iaitu teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tentang elaun yang kerap kali lambat sampai kepada destinasi yang tertentu. Saya telahpun memberi jaminan di Dewan Rakyat dan begitu juga Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh sendiripun telah memberi jaminan supaya langkah-langkah perlu telah, sedang dan terus akan diambil juga supaya keadaan yang tidak diingini itu diberhentikan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama, saya suka menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad meminta Kerajaan menambah peruntukan grant mengenai tanam semula getah ditambah sebanyak \$300 bagi satu ekar kerana kenaikan kos untuk menanam semula getah. Jawabnya Kementerian itu adalah sedang mengkaji perkara ini dan pertimbangan sewajarnya akan dibuat. Ini adalah satu jawapan yang telah dipesankan oleh Kementerian Perusahaan Utama melalui saya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Haji Ahmad Arshad, Senator Abdul Rahim, Senator Datuk Raja Nong Chik dan juga Senator Ismail Sheikh Ibrahim.

Dewan yang mulia ini memanglah Dewan yang amat muhibbah, kerana saya telah perhatikan bahawa bukan sahaja segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibuat sentiasa dibuat dengan perasaan tenang dan constructive walaupun tajuk yang dibangkitkan itu kadangkala boleh dikatakan dikemukakan dengan penuh perasaan tetapi tidak keras sifatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara berkaitan dengan Perbekalan Tambahan Pembangunan yang sebenarnya tidak termasuk bidang perbahasan kerana perbahasan hari ini hanya terhad kepada perbelanjaan mengurus, akan tetapi semua pandangan dan cadangan itu juga akan dimajukan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya perhatian mereka dapat ditarik agar timbangan dibuat dan tindakan yang sesuai diambil untuk panduan masa hadapan oleh Kementerian masing-masing.

Bagi pihak Kementerian-kementerian lain yang tersebut itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Walaupun wang yang berkenaan telah dibelanjakan terlebih dahulu untuk kepentingan negara kita, maka nasihat-nasihat, cadangan-cadangan dan teguran-teguran itu akan sama dihargai seperti nasihat-nasihat, cadangan-cadangan dan teguran-teguran dalam perbahasan Anggaran Belanjawan tentang wang yang belum dibelanjakan pada lazimnya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG ANTARABANGSA (PENGESEHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERKARA-PERKARA PERJANJIAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.42 *ptg.*

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Akta Kumpulanwang Antarabangsa (Pengesahan ke atas Pindaan Kedua Artikel-Artikel Perjanjian) 1977 dibaca bagi kali keduanya.

Rang Undang-undang ini bertujuan mendapatkan kelulusan perundangan dari Parlimen bagi mengesahkan pindaan-pindaan yang baru dibuat ke atas Artikel-artikel Perjanjian Kumpulanwang Antarabangsa. Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan bagi perubahan-perubahan yang tertentu ke atas undang-undang yang sedia ada terbit daripada tanggungan Malaysia di bawah peruntukan-peruntukan yang baru itu.

Pada 22hb Mac, 1976, Lembaga Gabenor-Gabenor Kumpulanwang Antarabangsa telah menerima ketetapan yang meluluskan pindaan-pindaan yang meluas ke atas Artikel-Artikel Perjanjian Kumpulanwang Antarabangsa. Pindaan-pindaan ini adalah untuk memberi kesan kepada pembaharuan-pembaharuan ke atas sistem matawang antarabangsa yang telah dipersetujui dalam bulan Januari 1976, di Kingston, Jamaica. Ketetapan ini akan mula berkuatkuasa setelah Artikel-Artikel Perjanjian yang dipinda itu diterima oleh negara-negara ahli yang mempunyai kuasa mengundi dengan bilangan yang diperlukan. Malaysia bersama-sama dengan lain-lain negara ahli Kumpulanwang Antarabangsa telah mengundi menyokong ketetapan tersebut. Sekarang kita perlulah mengesahkan secara resmi pindaan-pindaan ke atas Artikel-Artikel Perjanjian Kumpulanwang Antarabangsa itu.

Pindaan-pindaan ke atas Artikel-Artikel Perjanjian Kumpulanwang Antarabangsa ini mengandungi perubahan yang mempunyai

kesan meluas di dalam sistem matawang antarabangsa sedangkan Perjanjian Bretton Woods 1944 adalah sangat teknikal dan panjang dan tidak mudah difahami. Bagi memudahkan pertimbangan dibuat ke atas Rang Undang-undang ini, saya akan memberikan latarbelakang yang ringkas mengenai perkara-perkara pokok yang terlibat.

Sistem matawang antarabangsa di bawah Perjanjian Bretton Woods 1944 memperuntukkan penetapan kadar pertukaran yang tetap di antara matawang-matawang bagi mengujudkan kestabilan matawang antarabangsa. Negara-negara ahli Kumpulanwang Antarabangsa adalah dikehendaki menetapkan nilai par matawang masing-masing dengan emas, dan emas adalah diterima sebagai "common denominator". Sebarang perubahan nilai par yang melebihi 10% boleh dilakukan hanya setelah mendapat kelulusan daripada badan ini bagi tujuan membetulkan ketidak seimbangan di dalam kedudukan imbalan pembayaran negara-negara ahli. Negara-negara ahli adalah juga dikehendaki mengekalkan kestabilan kadar pertukaran semasa (spot exchange rates) matawang masing-masing di dalam had satu peratus kurang atau melebihi nilai par.

Sistem Bretton Woods berjalan dengan baik hingga awal tahun-tahun enam-puluh-tahun. Malangnya, kestabilan sistem ini menjadi semakin berkurangan disebabkan oleh kurangan yang besar dan berterusan yang dialami oleh negara-negara matawang simpanan utama; iaitu Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sementara itu negara-negara Benua Eropah dan Jepun mendapat lebihan yang besar. Keadaan ini adalah disebabkan oleh satu kelemahan besar yang terdapat di dalam sistem ini iaitu negara-negara yang mengalami kurangan di dalam imbalan pembayaran dikehendaki menjalankan berbagai dasar dalam dan luar negeri untuk mengurangkan kurangan mereka sedangkan negara-negara yang sentiasa mempunyai lebihan dalam imbalan pembayaran tidak dikenakan peraturan yang sama bagi mengurangkan lebihan mereka. Ini bermakna proses penyeimbangan ini tidak dikenakan secara saksama di antara negara kurangan dan negara lebihan. Bagi negara-negara yang mengalami kurangan, penyeimbangan melalui kadar pertukaran adalah keberatan dilakukan dan adakalanya dibuat terlalu sedikit dan lambat. Ini telah menyebabkan berulangnya krisis matawang pada peng-

hujung tahun enam-puluh-tahun dan awal tujuh-puluh-tahun. Satu masalah lagi ialah sistem tersebut tidak mempunyai susunan yang teratur untuk mengadakan mudah-tunai (liquidity) yang mencukupi bagi keperluan perkembangan perdagangan dunia secara yang telah diramalkan. Ini adalah disebabkan tambahan mudah-tunai (liquidity) dunia sehingga tahun 1970 bergantung kepada Amerika Syarikat dan United Kingdom yang terus mengalami kurangan dalam imbalan pembayaran mereka. Dalam usaha menjamin mudah-tunai dunia supaya mencukupi dan diadakan di dalam keadaan yang dapat memenuhi keperluan perdagangan antarabangsa yang berkembang maju dan setelah beberapa tahun menjalankan penyelidikan dan perbincangan, pihak Kumpulan Wang Antarabangsa telah mengujudkan matawang simpanan yang baru iaitu Hak Pengeluaran Khas (H.P.K.) atau Special Drawing Rights (S.D.R.) yang merupakan satu bentuk matawang kertas antarabangsa dalam bulan Julai 1969. Badan ini telah membekalkan sejumlah US\$9.5 ribu juta H.P.K. sebagai Special Drawing Rights kepada ahli-ahli sebagai tambahan kepada emas di dalam tempoh tiga tahun selepas matawang kertas ini diujudkan.

Masalah-masalah sistem matawang antarabangsa telah menjadi bertambah runcing di akhir-akhir tahun enam-puluh-tahun apabila kurangan imbalan pembayaran yang besar yang dialami oleh Amerika Syarikat dan United Kingdom berterusan. Pada 15hb Ogos, 1971 Kerajaan Amerika Syarikat telah menggantungkan tukaran resmi dollar Amerika Syarikat dan mengenakan impot surcaj sebanyak 10 peratus dengan tujuan untuk memaksa negara-negara lebihan (surplus countries) menaikkan nilai matawang mereka. Oleh sebab itu segala usaha resmi untuk mengekalkan pariti tetap matawang telah diberhentikan buat sementara waktu. Matawang-matawang utama diapungkan, dan ini merupakan satu tindakan yang melanggar Artikel-artikel Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa mengenai pariti tetap matawang.

Adalah jelas bahawa sistem Bretton Woods yang menentukan kadar pertukaran yang tetap telah menjadi lumpuh, walaupun Perjanjian Smithsonian yang dibuat pada bulan Disember 1971, yang mengujudkan pembetulan semula terhadap matawang-matawang utama dan membenarkan naik turun yang

lebih besar iaitu 2½ peratus dalam lingkungan pariti, telah dapat mengujudkan satu keadaan yang stabil. Untuk membetulkan sistem Bretton Woods satu Jawatankuasa yang bertaraf menteri mengenai reformasi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Dua Puluh telah ditubuhkan oleh KWA, untuk menasihati dan melapurkan kepada Gabenor-gabenor KWA di atas semua aspek pembaharuan terhadap kedudukan matawang antarabangsa dan kaitannya dengan perdagangan dan pembangunan. Jawatankuasa Dua Puluh yang kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Sementara telah mengadakan perundingan-perundingan mengenai rosotan ekonomi dan inflasi yang paling teruk selepas perang dunia. Jawatankuasa Sementara akhirnya telah mencapai persetujuan terhadap semua masalah-masalah yang penting di mesyuarat yang kelima yang diadakan di Kingston, Jamaica di awal tahun 1976.

Pindaan-pindaan ke atas Artikel-artikel Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa adalah meluas tetapi syor-syor yang utama adalah berkaitan dengan peraturan pertukaran yang bebas, pengurangan peranan atau penggunaan emas di dalam sistem matawang antarabangsa, perubahan-perubahan mengenai ciri-ciri Hak Pengeluaran Khas atau Special Drawing Rights, memudah dan membesarkan operasi dan urusan pertukaran (transactions), kemungkinan menubuhkan Majlis Gabenor-gabenor dengan kuasa membuat keputusan, dan beberapa pembaikan di dalam susunan pentadbiran pertubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa. Satu daripada perubahan-perubahan yang penting di bawah pindaan-pindaan tersebut adalah berkaitan dengan pengujudan satu sistem peraturan-peraturan tukaran yang memberi perhatian kepada matlamat untuk menstabilkan kadar pertukaran dan mengaitkannya dengan pencapaian keadaan ekonomi dan kewangan yang lebih stabil di negara-negara ahli. Di bawah sistem baru tersebut, bentuk peraturan pertukaran termasuk kadar pengapungan matawang telah dibenarkan, negara-negara ahli adalah bebas untuk menggunakan peraturan-peraturan tukaran yang mereka suka. Walau bagaimanapun, ini adalah lebih merupakan kebebasan memilih daripada kebebasan bertindak kerana negara-negara ahli harus bekerjasama dengan Kumpulan Wang Antarabangsa untuk menggalakkan kestabilan kadar pertukaran melalui perkembangan pertumbuhan ekonomi yang teratur beserta kestabilan harga yang ber-

patutan, mengekalkan peraturan pertukaran yang teratur dengan ahli-ahli yang lain dan mengelakkan perlumbaan penurunan nilai pertukaran. Sistem baru ini juga memberi kemungkinan penubuhan satu sistem nilai "par" atau nilai yang seimbang berdasarkan kadar-kadar pertukaran yang stabil dan boleh disesuaikan.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi Malaysia bergantung kepada keadaan ekonomi dan kewangan yang tersusun yang harus akan mengujudkan pertumbuhan perdagangan dan pembayaran yang kukuh di dunia, setelah kembali kestabilan di dunia ini. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan ekonominya terbuka, kita dengan secara tidak langsung akan mendapat faedah dan sistem peraturan pertukaran yang baru ini. Pengawasan peraturan pertukaran oleh Kumpulan Wang Antarabangsa tidak akan menimbulkan kesusahan kepada Malaysia. Di bawah peraturan yang baru ini, Kerajaan, akan mempunyai "flexibility" memilih bentuk kadar pertukaran yang sesuai sekali dengan kehendak-kehendak dan keadaan kita. Bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan baru di dalam Artikel-Artikel Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa berhubung dengan peraturan-peraturan pertukaran dan juga emas, perubahan-perubahan tertentu yang berkaitan adalah dicadangkan di dalam Rang Undang-undang untuk Ordinan Bank Pusat Malaysia (Central Bank of Malaysia Ordinance).

Perubahan-perubahan seperti yang dicadangkan terkandung di dalam rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat meliputi dua bidang. Pertamanya, rujukan nilai par ringgit yang bersamaan dengan 0.290293 gram emas tulin seperti yang diperuntukan pada 20hb Jun, 1962 di dalam Ordinan Bank Pusat Malaysia perlu dipinda oleh kerana Artikel-artikel Perjanjian KWA yang telah dipinda itu tidak membenarkan penggunaan emas sebagai asas bagi menentukan nilai par matawang sesebuah negara ahli. Kedua, Ordinan Bank Pusat Malaysia perlu dipinda bagi membolehkan Bank Negara menentukan kadar pertukaran ringgit di dalam bentuk samada HPK atau Special Drawing Rights atau lain-lain "denominator" yang sesuai seperti satu kumpulan matawang (a basket of currencies) atau menggunakan lain-lain peraturan pertukaran yang tidak bertentangan dengan Artikel-artikel Perjanjian

KWA. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini bertujuan memberikan Malaysia "flexibility" untuk memilih bentuk kadar pertukaran yang paling sesuai dengan keperluan negara dan selaras dengan Artikel-artikel Perjanjian KWA.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa berikutan dengan beberapa krisis matawang antarabangsa pada awal tahun tujuh puluhan, ringgit telah diapungkan terhadap lain-lain matawang sejak 21hb Jun, 1973, dan nilainya sejak 27hb September, 1975 telah ditentukan dalam bentuk kumpulan matawang. Perubahan-perubahan terhadap peraturan kadar pertukaran ringgit dilakukan kerana langkah ini ialah yang paling sesuai dengan keperluan Malaysia di dalam keadaan matawang dunia yang ujud pada satu-satu masa. Dalam ertikata yang lain perubahan-perubahan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sebenarnya merupakan gambaran tentang apa yang telah berlaku di dalam sistem peraturan pertukaran matawang Malaysia akibat dari perkembangan di dalam sistem matawang antarabangsa. Tidak kiralah samada nilai ringgit ditentukan dalam bentuk HPK atau SDR atau kumpulan matawang seperti yang dilakukan sekarang, kadar pertukaran ringgit dengan mana-mana matawang asing di pasaran akan terus dilaporkan oleh bank-bank perdagangan dengan cara yang sama seperti yang dilakukan sekarang. Perubahan-perubahan yang dicadangkan ini tidak akan mempunyai kesan yang buruk samada terhadap kadar pertukaran ringgit ataupun amalan-amalan bank di negara ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.02 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan penuh atas Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar tadi. Saya juga ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya bukanlah pakar dalam kewangan, tetapi kalau sepatah dua yang saya ucapkan ini untuk pandangan dan perhatian Kerajaan datangnya daripada salah seorang rakyat dalam negeri ini, sebagai mewakili Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga atas langkah Kerajaan Malaysia dapat mengikut perkembangan sistem perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa kerana pinjaman-pinjaman wang itu dari mana sumber Bank Dunia di mana juga bloknnya kita tidak kira, termasuklah juga kita dapat meminjam daripada Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pinjaman bank yang dibuat oleh Kerajaan kita ini tidak lain dan tidak bukan bagi melaksanakan sektor pembangunan pelajaran, pembangunan tanah, pengangkutan, perhubungan, kesihatan, pertanian, perikanan juga bekalan air. Maka masalah inilah sebagai negara Malaysia yang baru membangun yang sangat dihajati oleh rakyat kiranya kalau kita tidak ada mempunyai peruntukan wang yang cukup segala kehendak-kehendak sektor yang telah saya kata itu tidak akan tercapai. Dengan itu, gemar saya melahirkan bahawa kepercayaan Bank Dunia kepada Malaysia dan mana-mana bank juga ini satu penghargaan yang tinggi bukan semua dapat diperolehi oleh sesebuah negara dan bukan semudah itu kita boleh mendapatkan satu pinjaman. Ini menurut hemat saya ialah dengan berkat daripada perpaduan rakyat dalam negeri ini yang dapat menstabilkan politik di negeri ini. Kelicinan pentadbiran Kerajaan yang berpunca daripada kejujuran pemimpin negara khususnya Kementerian Kewangan yang saya patut berikan tahniah kepadanya dan juga kepada dua Timbalannya, yang selama ini tidak berlaku penyelewengan dan corruptcy dalam Perbendaharaan kita. Mereka menjalankan kerjanya dengan tulus ikhlas, jujur dan saya mengharap juga rakyat mengharapkan supaya khidmat ini dapat diteruskan dengan berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah perjanjian pinjaman ini, saya berpendapat akan dialihkan terus kepada Kerajaan Negeri dengan tujuan projek-projek yang saya sebutkan di atas tadi, pihak Kerajaan hendaklah terus menyelaraskan dan memerhatikan dengan penuh cermat pada pelaksanaan projek itu, kerana di masa hadapan kita akan menerima pinjaman yang lebih besar kiranya terjejas dengan sesuatu projek kita atau bantut dengan sesuatu projek. Kita yakin bahawa kepercayaan dunia kepada kita juga terbantut. Dengan keadaan ini maka segala rancangan yang telah kita atur itu, kita khuatir tidak akan mendapat kejayaan.

Yang kedua, pinjaman kepada badan-badan berkanun yang diberi jaminan oleh Kerajaan samada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, ini juga tidak kurang penting daripada pinjaman oleh Kerajaan, kerana badan-badan berkanun atas tujuan pembangunan. Tetapi perasaan setengah-setengah daripada anggota badan-badan berkanun ini adalah ringan, mereka memikirkan bahawa mereka bukan Kerajaan, oleh itu saya mengharapkan Juru-odit Negara hendaklah memerhatikan dengan penuh cermat bahawa sesiapa juga yang menyeleweng, wajar diambil tindakan dengan tidak berlembut-lembut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, empat perkara menurut hemah saya akan saya gambarkan dalam Rang Undang-undang yang kita akan luluskan ini semoga mendapat perhatian Kerajaan Pusat dalam masalah pinjaman luar negeri ini.

Yang pertama, Kerajaan Negeri yang banyak merancang sektor pembangunan dalam negerinya. Kerajaan Pusat tidak berupaya hendak meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri itu. Ini saya fikir seharusnya Kerajaan Pusat memberikan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan Negeri itu dan memberikan keizinan kiranya projek dalam negeri itu menasabah dan menguntungkan serta dapat diterima oleh mana-mana bank khususnya dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga, kerana Kerajaan Pusat juga tentu tidak berupaya hendak menyempurnakan permintaan pinjaman pada semua Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Pusat juga patut menegok bahawa pinjaman ini harus dibayar oleh Kerajaan Negeri mengikut bagaimana yang dijadualkan.

Yang kedua, Kerajaan Pusat hendaklah memberikan peluang dan keizinan kepada syarikat-syarikat swasta tempatan yang berpeluang dapat meminjamkan wang daripada luar negeri samada daripada bank di negeri itu ataupun daripada perseorangan. Seperti saya katakan bahawa ada swasta-swasta tempatan kita ini hendak mengadakan rancangan-rancangan yang ada kaitan dengan pembangunan negara dan kehendak Kerajaan seperti pertanian, perhaiwanan dan perumahan. Mereka boleh dapat pinjaman wang daripada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, tetapi kalau tidak ada dengan keizinan Perbendaharaan kita, segala pinjaman ini tidak dapat disempurnakan oleh badan-badan daripada luar negeri itu.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya di samping pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Pusat, negeri-negeri atau Kumpulanwang Antarabangsa yang memberikan pinjaman patut memberikan pakar-pakar yang mahir ataupun tenaga yang mahir kepada Kerajaan kita dalam melaksanakan projek yang ada kaitan dengan pinjaman wang ini, kerana daripada pakar inilah juga akan dapat menggerakkan pembangunan dan pelaksanaan pembangunan kita. Kita boleh beri mereka kemudahan kontrek-kontrek dagang ini dengan cara jangka panjang dan jangka pendek. Ini patut diberitahu kepada Kerajaan yang memberikan pinjaman kepada negara kita supaya dengan keadaan ini wang yang kita pinjam itu kita akan dapat bayar mengikut jadual.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ketika kita hendak menandatangani satu-satu perjanjian hendaklah diteliti dengan cermat bahawa ada setengah-setengah negara besar memberikan pinjaman dengan tujuan merebutkan pengaruh supaya dapat menelan ekonomi negara ini ataupun boleh memesonkan kiblat negeri ini kepada bloknya atau kita akan sedikit sebanyak mengikut sistem negara itu. Maka dengan sebab itulah selalu kelambatan apabila kita hendak menagih pinjaman-pinjaman yang telah dimeterikan.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya memberikan sokongan.

*6.12 petang.*

**Tuan Abdul Rahim bin Haji Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Bil yang ada di hadapan kita ini dan saya hendak bercakap sedikit sahaja. Sepertimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri kita tadi bahawa kita terpaksa mengesahkan perjanjian yang telah kita tandatangani di Persidangan Antarabangsa berhubung dengan wang ini. Dan juga kita terpaksa sekali lagi menukar cara perkiraan ringgit kita daripada emas yang biasa kita kira dahulu berpandukan emas, sekarang tidak lagi cara itu dan Bank Negara kita terpaksa pula meminda ordinan yang ada di Bank Negara itu supaya sesuai dengan kehendak Kumpulanwang Antarabangsa yang telah kita persetujui itu. Saya harap kita tidak terperangkap dengan perbuatan daripada perjanjian yang telah kita tandatangani berhubung dengan kewangan ini daripada perkiraan emas kepada perkiraan yang

dinyatakan. Saya tidak berapa terang apakah satu perkiraan yang ditetapkan benar, kita telah menetapkan perkiraan ringgit kita dengan emas. Hari ini Kumpulanwang Antarabangsa tidak mahu lagi cara itu. Dia mahu ikut satu sistem baru. Jadi dengan sistem baharu ini kita takut nanti kita terperangkap, duit kita akan jadi macam duit di zaman pemerintahan Jepun. Ini kita takut. Tetapi hari ini duit kita masih lagi kukuh kerana jaminannya emas. Pada masa yang akan datang perkiraannya tidak lagi dengan emas tetapi dengan perkiraan seperti apa yang ditentukan oleh perjanjian yang telah kita sama-sama persetujui dalam persidangan tersebut.

Sekianlah sahaja, saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

6.15 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini sepenuh-penuhnya. Tetapi Rang Undang-undang ini cuma untuk kita bersama-sama mengesahkan pindaan kedua kepada perkara pinjaman Kumpulanwang Antarabangsa menurut ketetapan 314 yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi terima kasih oleh kerana perkara ini adalah perkara biasa sahaja iaitu di antaranya untuk disahkan dan dibawa ke Parlimen ini. Saya yakin dan percaya Menteri telah semak samada emas, besi ataupun tembaga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu pada tahun tujuh puluhan wang-wang ini telah diapungkan oleh kerana krisis wang di dunia. Ini adalah benar oleh kerana pada tahun tujuh puluhan dahulu kita ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memainkan peranannya yang cukup cekap dan pandai. Pada masa itu kita telah menyimpan nilai emas tulin di England kemudian dibawa tukaran wang emas itu ke Amerika. Kalau tidak begitu, saya ingat wang Malaysia ini jatuh terhentak dan juga tentulah tukaran wang kita ini lebih merosot lagi kalau kita meletakkan wang-wang emas kita itu di England. Dengan itu saya yakin dan percaya sesiapa jua yang telah dilantik menjadi Menteri Kewangan terpaksa memainkan peranannya seperti seorang businessman yang cukup pandai ataupun managing director kepada satu-satu syarikat yang menguruskan satu syarikat yang besar. Seperti mana yang

kita nampak Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin dahulu menguruskan soal kewangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negeri kita kaya raya maka tukaran wang kita pada hari ini lebih baik kalau dibandingkan dengan wang Amerika dan Jepun iaitu pada hari ini kadarnya US\$ bersamaan dengan M\$2.50. Ini adalah menunjukkan kekuatan wang kita di mata wang dunia.

Tetapi sayang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab apakah sebab Singapura yang begitu kecil dan hasilnya hanya sekadar pokok getah lima batang sahaja sedangkan hasilnya yang lain kebanyakannya seperti balak datangnya daripada negara kita ataupun Indonesia, di lapangan terbangnya hanya beberapa buah kapal terbang mendarat hanya mempunyai sebuah pelabuhan freeport dan sebagainya, tetapi matawang dia lebih kukuh daripada mata wang kita? Kalau kita tukar wang di Singapura, apa yang kita dapat cuma lebih kurang S\$0.95 sen bersamaan M\$1.00. Ini menunjukkan sungguhpun kita ada mempunyai petroleum ataupun minyak, ada mempunyai getah yang cukup banyak, kelapa sawit yang cukup banyak, hutan belantara yang mengeluarkan balak-balak yang banyak dan juga mengeluarkan hasil-hasil dan kekayaan di Malaysia tetapi kalau dibandingkan dengan Singapura nilai mata wang kita adalah merosot sedikit.

Saya juga sepertimana rakan saya Yang Berhormat dari Johor iaitu Datuk Haji Ahmad Arshad yang menyatakan kita harus berhati-hati oleh kerana di dalam melaksanakan pembangunan ini kita berkehendakkan wang yang masuk ke negeri kita ini bagi membolehkan kita membangunkan negeri kita ini. Iaitu kita minta supaya mendapat pinjaman daripada luar negeri. Dan pinjaman-pinjaman luar negeri ini untuk mempertahankan kedudukan kita maka pinjaman-pinjaman luar negeri ini, saya harap tidak ada ekoran sebagaimana yang dikatakan itu. Misalnya, jika kita dapat yen credit daripada Jepun, tidak bermakna kita mesti beli barang-barang itu daripada Jepun. Jika kita dapat credit daripada Amerika tidak semestinya kita membeli barang-barang itu daripada Amerika. Jika kita dapat credit daripada England kita tidak terpaksa membeli barang-barang itu daripada Great Britain atau Australia dan lain-lainnya. Ini bermakna kita tidak ada ikatan dengan negeri-negeri asing.

Seperti mana yang kita telah nampak di Indonesia pada satu masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana membuat sebuah kilang kertas cukup besar di Indonesia, Indonesia mendapat credit daripada Russia dan Indonesia terpaksa membeli segala mesen-mesen itu daripada Russia. Apa yang telah terjadi, Tuan Yang di-Pertua, segala perkara ini terbengkalai, tidak jauh daripada Jakarta kita boleh tengok bagaimana besar kilang kertas itu. Jadi, kita berharap kepada Kerajaan kita supaya jangan terikat dengan apa-apa Kerajaan sekalipun. Misalnya dalam negeri kita ini, di Pahang jika kita hendak buat dan yang besar kalau ada negara-negara hendak meminjamkan duit, fikiran kita jangan terikat kepada dia, bukan sahaja terikat kepada membeli barang kepada dia tetapi kita tidak boleh terikat fikiran kita, idealoji kita itu terikat kepada dia.

6.23 ptg.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, Yang Berhormat Abdul Rahim bin Manan dan akhirnya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Ishak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad itu, saya ingin memberi sedikit kepujian kepada sikap merendah diri beliau itu yang mengatakan beliau bukan seorang pakar ekonomi.

Memanglah bidang ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu bidang yang khas (specialised) dan tidak ramai orang berani mengatakan mereka itu adalah pakar di dalam bidang itu. Beliau pun telah menyentuh sedikit berkenaan dengan seorang lagi Timbalan Menteri Kewangan tambahan yang baharu-baharu ini diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Bagi pihak saya sendiri suka juga merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya sangatlah mengalu-alukan kedatangan seorang lagi Timbalan Menteri yang saya percaya tidak ada orang yang tidak bersetuju dengan saya kejelitaan dan kecekapan kewanitaannya akan memberi sumbangan yang berguna lagi, constructive juga khasnya dalam perkara-perkara berkaitan dengan ekonomi (*Hear! Hear!*). Maka saya percaya dan yakin dengan

galakan dan sokongan beliau, semua bidang urusan Kementerian Kewangan itu akan dapat dijalankan dengan lebih licin lagi dan oleh sebab itu kekhuatiran macam mana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad itu akan terhapus.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kejelitaan dan keaslian kecantikan seorang Senator wanita, maka ia dipertimbangkan menjadi Menteri atau Timbalan Menteri dalam sesebuah Kementerian?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hanya seorang sahaja yang boleh menjawab soalan itu (*Ketawa*) iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah melantiknya (*Tepuk*) Tuan Yang di-Pertua, (*Dengan izin*) A feminine touch will not do any harm to a bachelor-dominated Ministry headed by Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh. (*Ketawa*) Saya baharu diberi ingatan daripada rakan saya yang baharu iaitu Yang Berhormat Senator Rafidah walaupun tidak ada berkaitan dengan perbincangan ini, beliau telah mengingatkan saya dengan kedatangan beliau itu ke Kementerian Kewangan ini, maka terjadilah satu kumpulan 3 R: 1 R—Razaleigh, 2 R—Richard dan 3 R Rafidah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Ishak tentang matawang berbanding di antara matawang Singapura dan matawang Malaysia, ini adalah satu perbezaan yang naik-turun pada satu masa ke satu masa yang bergantung kepada banyak faktor yang sukarlah kalau saya hendak terangkan di sini dan nampaknya masa pun sudah singkat, maka saya harap pada suatu hari sama-sama kita senang, kita duduklah sama-sama dengan minum kopi sedikit, kita bolehlah berbincang dengan lebih lanjut lagi. Akan tetapi, saya hendak nyatakan di sini, perbezaan itu tidak langsung berkaitan dengan kuat atau lemahnya matawang kita sendiri di Malaysia.

Berkenaan dengan pinjaman yang kita kadangkala kita mengambil daripada negara-negara lain itu, saya ingin menjaminkan lagi sekali di sini, Tuan Yang di-Pertua, apa-apa pinjaman yang kita mengambil itu adalah dipinjam dengan pertimbangan yang teliti sekali supaya kita tidak dapat diikat ataupun dikongkong apabila kita menjalankan sesuatu

projek kita, sebab kita tidak mengambil loan daripada sebuah negara sahaja tetapi juga mengambil loan kepada banyak negara lain supaya tidak mengakibatkan sesuatu negara yang mana-mana juga yang akan menjalankan monopoli ke atas kepala kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja dan lagi sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat—Yang Berhormat Senator yang telah memberi begitu banyak cadangan-cadangan yang bernilai itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 26hb April, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*